

**Pembangunan modal insan**

MS 7, 8, 9, 22, 23 & 26



**Hormati hak wanita dan kanak-kanak**

MS 4, 10 & 21

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

DISEMBER 1-15, 2019

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Penang Digital Library @Batu Maung ke arah hadapi gelombang IR4.0

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**BATU MAUNG -** Pembukaan perpustakaan digital ketiga, Penang Digital Library @Batu Maung merupakan inisiatif yang tepat masanya sebagai usaha membantu Kerajaan Negeri menghadapi gelombang Revolusi Industri 4.0 (IR4.0)

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sebagai sebuah negeri perindustrian dan bergantung kepada modal insan, pengkhususan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) adalah sangat diperlukan dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan serta teraju utama dalam pendidikan STEM.

"Sebagai sebuah negeri perindustrian, kita bergantung kepada modal insan yang berbakat dan berkemahiran tinggi, tumpuan kepada STEM sangat diperlukan.

"Diilhamkan dengan menggunakan konsep dan inisiatif sama daripada projek yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri, maka Penang Digital Library @Batu Maung ini bakal menjadi evolusi perpustakaan digital di Daerah Barat Daya (DBD).

"Konsep perpustakaan 'komuniti' seperti ini merupakan idea Kerajaan Negeri dalam menyediakan platform dan rangkaian lebih luas ke setiap pelosok negeri ini, dan yang terbaru Penang Digital Library @Butterworth akan dibuka tidak lama lagi," ucapnya pada Majlis






**PERSEKITARAN selesa di Penang Digital Library @Batu Maung.**

Perasmian Penang Digital Library @Batu Maung di sini 2 November lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain dan S. Bharati (Timbalan Pengarah Perbadanan Ketua Menteri, CMI).

Penubuhan perpustakaan digital tersebut merupakan inisiatif 4P *(People, Public, Private Professional Partnership)* di antara syarikat multinasional dan tempatan membabitkan kawasan industri di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung antaranya *Mah Sing Group*, *Intel*, *Inari Technology*, Telekom Malaysia, *SNS Network* serta *Southbay Plaza*.

Terletak di *Southbay Plaza*, perpustakaan digital berkenaan dibuka setiap hari dari 10 pagi hingga 10 malam.

Difahamkan, akses buku yang terdapat di sini adalah dari *server Penang Digital Library* (PDL) yang boleh dimuat turun secara percuma oleh pelawat.

Dalam pada itu, Bharati dalam sidang media memberitahu bahawa terkini PDL mempunyai 4,000 pangkalan data *(database)* buku, dan pada tahun 2020 menerusi kerjasama dengan Perpustakaan Negara, sebanyak 2,000 *database* buku lagi akan ditambah.

"Manakala, bagi perkembangan Penang Digital Library @Butterworth, ia telah mencapai 85 peratus kemajuan dan dijangka dibuka kepada pelawat pada Januari tahun hadapan," maklum beliau.



**KETUA Menteri dan barisan jemputan asyik memerhatikan proses pembelajaran yang diikuti sebahagian pengunjung-pengunjung cilik bersempena Majlis Perasmian Penang Digital Library @Batu Maung di sini baru-baru ini.**

# Abdul Razak mulakan tugas rasmi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**GEORGE TOWN –** Dato' Abdul Razak Jaafar secara rasminya memulakan tugas sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 8 November lalu.

Beliau tiba kira-kira pada jam 7.50 pagi dan mengetik kad perakam waktu di pejabatnya dekat Tingkat 25, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Komtar di sini.

Ketibaan Abdul Razak disambut Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad.

Abdul Razak kemudiannya mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Pada pertemuan tersebut, Kon Yeow secara dasarnya menerangkan tentang misi dan visi negeri, projek-projek infrastruktur yang sedang dijalankan dan dalam proses perancangan, pembangunan negeri, sosio-ekonomi serta budaya dan masyarakat Pulau Pinang.

"Saya percaya dengan pengalaman luas Dato' dalam pelbagai bidang seperti perbandaran, sumber manusia, kerajaan tempatan, kewangan, perolehan dan kerja raya, bakal memanfaatkan serta boleh membawa Kerajaan Negeri ke arah mencapai Visi Penang2030.

"Walaupun penerimaan jawatan ini merupakan notis pendek, namun itu adalah satu kebiasaan buat penjawat awam untuk menyambung 'perjuangan' di mana-mana jabatan yang diarahkan. Selamat memulakan tugas," ujarnya pada pertemuan yang berlangsung kira-kira 30 minit tersebut.

Turut hadir, Setiausaha Sulit Kanan Kepada Ketua Menteri, Muhamad Azrai Mohamad Zaini; Ahmad Rizal Mohd. Hanapiah (Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia) dan Muhaili Mad Saad (Ketua Penolong Setiausaha Unit Komunikasi Korporat dan Inovasi).

Dalam pada itu, Abdul Razak turut memanjangkan ucapan terima kasih kepada Kon Yeow dan pentadbiran Kerajaan Negeri atas penerimaan lantikan tersebut.

"Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mencurahkan bakti di Pulau Pinang," katanya.

Pelantikan Abdul Razak adalah selepas beliau menerima serah jawatan daripada mantan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus baru-baru ini.



ABDUL Razak Jaafar.

## Jajaran lebuhraya Pakej 2 PTMP dijangka siap 2023

**AIR ITAM –** Jajaran lebuh raya sepanjang 5.7 kilometer yang menghubungkan Lebuhraya Thean Teik di Bandar Baru Air Itam sehingga ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu bakal menyuraikan trafik terutama di kawasan yang mengalami kesesakan serius.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, projek yang dijangka siap pada 2023 itu juga akan menjimatkan masa perjalanan dari Bandar Baru Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, iaitu lima minit berbanding kini 40 minit.

"Jajaran Pakej 2 ini juga mampu menjadi laluan alternatif kepada pengguna jalan raya untuk bergerak dari arah utara pulau ke bahagian selatan, dan ia mampu menampung sehingga 8,000 kenderaan sejam bagi kedua-dua arah.

"Kerja-kerja awalan di tapak akan bermula 2 November 2019 sehingga April 2020 dan mengambil masa 36 bulan (kerja-kerja pembinaan) untuk disiapkan," ujarnya pada sidang media sejurus menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Pakej 2 Jalan Pintasan Dari Bandar Baru Air Itam Ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dekat sini 2 November lalu.

Hadir sama, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad; beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) seperti Joseph Ng Soon Siang (Air Itam); Teh Lai Heng (Komtar); Syerleena Abdul Rashid (Seri Delima) dan Ong Ah Teong (Batu Lancang) serta Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Pengerusi Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC), Tan Sri Datuk Seri Azmi Khalid; Pengarah Ekskutif Kanan, Datuk Lee Chee Hoe dan Datuk Zarul Ahmad Mohd. Zulkilfli serta wakil daripada perunding teknikal dan alam sekitar antara yang turut serta.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa jajaran yang merangkumi 70 peratus seksyen jejambat *(elevated section)* dan selebihnya seksyen jalan biasa *(at-grade)* akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri setelah siap kelak.

"Kerajaan Negeri akan bertanggungjawab ke atas jajaran lebuh raya ini termasuk kerja-kerja penyelenggaraan serta kos penyelenggaraan ini boleh dibiayai sama ada menggunakan peruntukan negeri atau permohonan kepada pihak Kementerian Kerja Raya untuk pertimbangan," jelasnya.

Ditanya mengenai pengurusan trafik semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan di tapak, Kon Yeow memberitahu bahawa pihak CZC telah melantik jururunding untuk menyediakan laluan alternatif bagi mengurangkan kesesakan kepada pengguna jalan raya.

Jajaran Pakej 2 merupakan salah satu komponen Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dengan kos sebanyak RM851,040,000.

Di bawah Pakej 2 tersebut terdapat empat persimpangan iaitu di Lebuhraya Thean Teik, Jalan Bukit Gambir, Jalan Sultan Azlan Shah dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan ia merupakan lebuh raya bebas tol.

Sebagai rekod, projek berkenaan ditawarkan kepada CZC pada tahun 2013 melalui proses tender terbuka yang mana perjanjian awal atau *preliminary agreement* telah dimeterai bagi membolehkan pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan Projek atau *feasibility study* serta Reka Bentuk Terperinci projek berkaitan.

Lanjutan perolehan kelulusan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) Jadual Kedua dari Jabatan Alam Sekitar pada 7 November 2017, Kerajaan Negeri mencadangkan untuk melaksanakan Pakej 2 terlebih dahulu dan pada 2 Oktober 2019, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju menandatangani sub-perjanjian Pakej 2 pada 11 Oktober lalu bagi membolehkan kerja-kerja awalan pembinaan dimulakan.

Keseluruhan, projek berkaitan sebahagiannya melibatkan tiga pakej jajaran bebas tol iaitu Pakej 1 melibatkan jajaran dari Tanjung Bunga ke Teluk Bahang; Pakej 2 dari Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Pakej 3 dari Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Demonstrasi 5G Pulau Pinang menerajui

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang kini sedia menjadi teraju dalam pelaksanaan projek demonstrasi teknologi generasi kelima (5G) yang bermula sejak Oktober lalu sehingga Mac 2020.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, melalui projek demonstrasi tersebut, tiga teras utama pembangunan negeri Pulau Pinang akan diberi tumpuan iaitu sektor pembuatan, pelancongan dan agenda bandar pintar.

"Kita (Pulau Pinang) telah melaksanakan 22 inisiatif pintar sehingga kini dan ia tidak termasuk enam (inisiatif) yang sedang dijalankan serta empat yang lain dalam perancangan.

"Penubuhan Perpustakaan Digital Pulau Pinang; sistem pengecaman wajah; hentian bas pintar; *Penang Smart Parking*; Perpustakaan Digital Islam yang pertama dalam negara dan projek perintis *Terragraph* pertama di Asia… semuanya (inisiatif pintar ini) sedang berjalan dengan lancar.

"(Dan) dari segi infrastruktur, tidak perlu menunggu (untuk memulakan projek demonstrasi 5G) dengan membangunkan infrastruktur yang baharu kerana telah ada (infrastruktur) tersebut di Pulau Pinang," jelasnya pada sidang media sejurus mengadakan pertemuan bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan wakil syarikat telekomunikasi negara di Komtar 23 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Ketua Pegawai Digital SKMM, Gerald Lim Kim Meng; Pengarah SKMM Wilayah Utara, Rizal Abdul Malek dan Ketua Jabatan Inovasi Digital SKMM, R. Malini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa teknologi 5G akan merancakkan lagi Revolusi Industri 4.0 dan pada masa sama merangsang pertumbuhan perusahaan kecil serta sederhana.

"Projek ini akan memudahkan pembangunan dan pertumbuhan potensi-potensi baharu yang tidak pernah difikirkan sebelum ini sekaligus dapat memacu ekosistem teknologi 5G di negara ini.

"Oleh itu, kita (Pulau Pinang) berharap teknologi ini dapat disiapkan tahun hadapan dan sebelum menjelang September (2020) kerana kita akan menjadi tuan rumah *World Congress on Information Technology* (WCIT), kongres antarabangsa yang akan dihadiri ribuan delegasi seluruh dunia," ujarnya.

Dalam pada itu, Kim Meng sebagai respons terhadap soalan media berkata, pihak SKMM berharap dengan pelaksanaan projek demonstrasi tersebut, ia akan merancakkan lagi pembangunan ekonomi dan pencapaian sosial negeri Pulau Pinang.

"Teknologi 5G bukan sekadar pengalaman merasai kelajuan aplikasi di telefon pintar, tetapi juga menyediakan rangkaian serta transformasi digital negara," katanya.

Selain Pulau Pinang, lima negeri lain yang turut dipilih oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk pelaksanaan projek demonstrasi 5G ialah Kedah, Perak, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

## Jadi pengguna matang, bijak serta responsif

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**



**KETUA Menteri dan Saifuddin Nasution Ismail (barisan pertama, kiri sekali) menyempurnakan acara pelepasan peserta larian ria sempena Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan 2019 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Pengguna mempunyai hak dan kuasa dalam mempengaruhi aktiviti pembekalan sesuatu barangan serta perkhidmatan yang ditawarkan kepada mereka.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pengguna ialah kumpulan kuasa penting yang mampu mempengaruhi pengeluaran, pengedaran, penentuan harga serta mutu sesuatu barangan dan perkhidmatan.

"Dalam hal ini, kita (Kerajaan Negeri) akan memastikan usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian (Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, KPDNHEP) dapat meningkatkan kesedaran pengguna serta mengetahui hak dan tanggungjawab kepenggunaan.

"Oleh itu, saya menyeru kepada semua rakyat di negeri ini supaya menjadi pengguna yang matang dan bijak serta dapat memberi maklum balas (mengenai kepenggunaan) kepada kementerian berkaitan demi melindungi hak-hak mereka sebagai pengguna," ujarnya sejurus menyempurnakan perlepasan acara larian ria sempena Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan 2019 di sini 16 November lalu.

Dalam pada itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang turut hadir menyatakan bahawa penganjuran acara larian ria tersebut adalah sebahagian daripada sambutan yang berlangsung pada hari berkaitan.

"Acara ini adalah usaha berterusan pihak Kementerian untuk membina kesedaran kepenggunaan tentang hak, kebebasan serta peluang kepenggunaan kepada masyarakat.

"(Dan) saya berharap melalui program sebegini dapat melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai kesedaran kepenggunaan yang tinggi.

"Hal ini kerana, kuasa pengguna merupakan kuasa yang kuat dalam rantaian bekalan termasuk menentukan harga akhir kepada pengguna," katanya yang memilih Pulau Pinang sebagai lokasi kempen sempena Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan 2019.



**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.**

Terdahulu, Kon Yeow dan Saifuddin menyertai acara senaman pagi dan zumba di Padang Kota Lama bersama-sama ratusan peserta larian ria yang mengambil bahagian bersempena penganjuran berkaitan.

## Program sokongan NCIA demi perkasa golongan perlu

**BUKIT TENGAH -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melancarkan empat program Kerajaan Persekutuan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), dengan anggaran pembiayaan tahunan 2020 untuk pembangunan modal insan di Pulau Pinang adalah kira-kira RM60 juta.

Ketika berucap, beliau berharap program-program sokongan daripada Kerajaan Persekutuan tersebut mampu memperkasa golongan belia, wanita, ibu tunggal, penganggur dan usahawan mikro yang berada dalam kelompok isi rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40) negeri.

"Di bawah pentadbiran kerajaan yang sama (iaitu Pakatan Harapan), dasar, program dan pelaksanaannya mungkin sedikit mudah berbanding karenah-karenah yang perlu dihadapi sebelum ini.

"Menyedari akan segala permasalahan dan isu-isu berbangkit yang membelenggu rakyat masa kini, terutama melibatkan peningkatan kos sara hidup, kepimpinan kerajaan baik di peringkat Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan peka dan senantiasa mencari jalan keluar serta penyelesaian untuk memastikan pembangunan negeri dan negara secara keseluruhannya dapat dinikmati oleh setiap rakyat," jelasnya ketika merasmikan Majlis Pelancaran Program-Program Modal Insan: Menyemarak Kemakmuran, Memperkasa Rakyat di sini pada 14 November 2019.

Exco Perdagangan Antarabangsa dan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ketua Pembangkang Pulau Pinang, Dato' Muhamad Yusoff Mohd. Noor; beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issace John turut sertai majlis perasmian tersebut.

Difahamkan, *empowerNCER, entrepreneurNCER, NCER Talent Enchancement Programme (NTEP)* dan Dana Mudahcara Bumiputera (DMB) merupakan empat program sokongan ke arah meningkatkan pembangunan modal insan daripada kalangan B40.

"(Di bawah *empowerNCER*,) kelas bimbingan ditawarkan kepada anak-anak kelompok B40 yang lemah dalam pendidikan terutama kepada mereka yang menduduki peperiksaan utama seperti UPSR, PT3 dan SPM.

"Program *(empowerNCER)* ini akan bermula pada Januari 2020 dan sasarannya adalah seramai 400 pelajar.

"Program *entrepreneurNCER* yang memberi latihan keusahawanan dan kemahiran pula akan memberi fokus kepada kelompok usahawan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (IKS)...(melalui) kerjasama strategik dengan Agrobank serta Maybank.

"Sehingga kini, 28 permohonan (di bawah program) *entrepreneurNCER* telah diterima dan sedang diproses.

"NTEP pula adalah untuk memastikan tenaga kerja mahir cukup bagi memenuhi keperluan industri serta meningkatkan peluang pekerjaan dan kualiti hidup graduan tempatan.

"Sehingga akhir bulan Oktober lalu, jalinan kerjasama dengan 18 syarikat di negeri Pulau Pinang telah menyalurkan pelaburan sebanyak RM6.1 bilion, sekaligus mewujudkan 6,325 peluang pekerjaan.

"DMP diperkenalkan sebagai sokongan berbentuk kewangan kepada usahawan-usahawan Bumiputera," ujar Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Di bawah program sokongan IKS berkaitan, tambah beliau, sebuah syarikat dalam bidang pembuatan dan sebuah lagi syarikat dalam sektor pertanian serta bio-industri di Seberang Perai telah diluluskan.

"Susulan itu, RM36.97 juta pelaburan akan dijana, dengan 117 peluang pekerjaan diwujudkan serta mencipta 60 peluang keusahawanan dan pekerjaan sebagai limpahan di negeri kita," ulasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Bercakap pada sidang media selepas itu, Jebasingam menjelaskan bahawa pembiayaan Kerajaan Persekutuan untuk semua empat program sokongan bagi tujuan pembangunan modal insan peringkat negeri, mulai Januari tahun hadapan adalah dianggarkan kira-kira RM60 juta.

"Bagi pihak NCIA, kita harap boleh saling bekerja secara bersama-sama (dengan pihak Kerajaan Negeri).

"Sebenarnya, tiap-tiap program ini melibatkan pembiayaan kira-kira RM15 juta dalam setahun," jelasnya kepada pemberita.

# Akta wajibkan pemasangan AED di tempat awam perlu, gesa Exco

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) digesa untuk wujudkan satu akta khusus bagi mewajibkan pemasangan peralatan *Automated External Defibrillator* (AED) di pejabat kerajaan dan tempat-tempat awam.

Gesaan itu dibuat oleh Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada sidang media selepas menyaksikan penyerahan alat AED oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Lions Club International* kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang bersempena Program Penang Heart Safe Bersama-sama PDRM (Polis Diraja Malaysia) di sini pada 7 Oktober lalu.



DR. Afif Bahardin (tengah) bersama-sama Dr. Asmayani Khalib (kanan sekali) menyaksikan penyerahan alat AED oleh Toh Kian Beng (dua dari kanan) kepada T. Narenasagaran sempena penganjuran Program Penang Heart Safe Bersama-sama PDRM di sini baru-baru ini.

"Berdasarkan statistik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia mencatatkan sebanyak 17.9 juta kematian disebabkan penyakit kardiovaskular yang mana 75 peratus daripadanya berlaku di negara-negara membangun dan kurang maju.

"Di Malaysia pula, jumlah mangsa yang terselamat selepas diserang penyakit jantung adalah kurang daripada satu peratus berbanding 25 peratus di Singapura dan Taiwan.

"Daripada segi umur purata penduduk di negara ini yang diserang penyakit jantung pula adalah sekitar 58 tahun, berbanding purata 65 tahun di Thailand dan Singapura (61 tahun), manakala kadar kematian melibatkan penyakit jantung pula meningkat kepada 54 peratus dalam tempoh 10 tahun (2007 hingga 2017).

"Justeru, adalah wajar bagi Kerajaan Persekutuan untuk melihat bahawa pemasangan alat AED juga adalah sama pentingnya seperti meletakkan alat pemadam api di tempat-tempat awam melalui pewartaan satu akta yang khusus," katanya pada program berkaitan.

Hadir sama, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dr. Asmawani Khalib; Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk T. Narenasagaran; Pengerusi Program Penang Heart Safe, Datuk Dr. Luah Lean Wah; Naib Presiden Georgetown Lion Club, Datuk Toh Kian Beng serta pegawai-pegawai kanan PDRM Pulau Pinang.

Difahamkan, program berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri bersama-sama Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM), St. John Ambulans Malaysia (St. John) dan *Community Response Team Georgetown* (CERT George Town) bagi melatih pegawai serta anggota polis yang bertugas di IPK Pulau Pinang mempelajari teknik asas melakukan *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR) dengan tepat.

Selain itu, ia juga menekankan tatacara pengunaan mesin AED dalam kalangan pegawai polis bagi menyelamatkan lebih ramai mangsa yang menghadapi serangan jantung mengejut sementara menunggu bantuan perubatan tiba di lokasi.

Pada program itu juga, beberapa anggota daripada pasukan St. John, PBSM, CERT George Town dan Hospital Pulau Pinang (HPP) bertindak membimbing anggota polis Pulau Pinang mengenai cara melakukan CPR menggunakan AED.

Mengulas lanjut, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya memberitahu bahawa adalah penting untuk melatih anggota-anggota polis Pulau Pinang dengan kemahiran penggunaan AED dan ilmu kecemasan apabila berhadapan dengan mangsa serangan jantung.

"Kita memilih polis sebagai rakan kerjasama yang penting kerana polis majoritinya adalah responden pertama apabila berlakunya kecemasan. Tambahan pula, anggota polis di setiap negeri merupakan antara kontinjen yang terbesar berbanding dengan unit-unit beruniform lain.

"Justeru, saya yakin dengan adanya inisiatif seperti ini, ia bukan hanya memberikan ilmu kepada individu malah menyediakan polis kita dengan kemahiran yang lebih penting dalam usaha mereka menjaga keselamatan serta memberikan khidmat kepada masyarakat," ujarnya.

Dalam pada itu, Narenasagaran juga bersetuju bahawa masa adalah penting untuk menyelamatkan nyawa khususnya bagi mangsa yang diserang penyakit jantung secara tiba-tiba.

"Oleh itu, pihak polis akan memastikan setiap anggota dari unit kenderaan pelbagai guna (MPV), rondaan motosikal, polis trafik, dan pasukan peronda bergerak untuk mempelajari teknik menyelamatkan nyawa terlebih dahulu.

"Langkah ini akan dapat meningkatkan peluang menyelamatkan nyawa orang awam," jelas beliau.

# Pulau Pinang sebagai negeri dominasi 'angka' kepimpinan wanita tertinggi, hasrat Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK –** Portfolio Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam yang digalas Chong Eng membawa iltizam tinggi ke arah pemberdayaan peranan wanita di peringkat kepimpinan dan pembuat keputusan.

Sejajar dengan tanggungjawabnya, beliau berhasrat meningkatkan keupayaan dan memperkasakan pemimpin wanita di peringkat Kerajaan Negeri, sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang mendominasi 'angka' kepimpinan wanita tertinggi di dalam negara.

Chong Eng berkata, penting untuk setiap pemimpin wanita di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri untuk menjalinkan hubungan akrab antara satu sama lain.

"Ini akan membentuk satu rangkaian kepimpinan yang lebih kukuh dalam kalangan wanita di peringkat pentadbiran, maka lebih mudah untuk kita menggerakkan agenda wanita serta keterangkuman gender di Pulau Pinang.

"Anda perlu menjadi nakhoda untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan kaum wanita, kerana kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) mahukan lebih banyak golongan wanita terlibat di dalam proses pembuat keputusan.

"Kita mahukan kehadiran anda membawa perubahan, kepada rakyat Pulau Pinang dan juga prestasi negeri," serunya pada penganjuran Bengkel Lead-A-Ship di sini 12 November lalu.

Seramai 25 pemimpin wanita daripada pelbagai variasi jabatan Kerajaan Negeri menyertai bengkel yang berlangsung selama dua hari anjuran agensi *Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business*, Universiti Utara Malaysia (UUM); Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Prof. Madya Claudia Cadena.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng.

Berkongsi pengalaman, Chong Eng memberitahu bahawa pemimpin wanita lazimnya lebih terperinci, serba boleh dan kepelbagaian *(multitasking)*.

Jelasnya, sebagai seorang pemimpin, wanita perlu kuat dan pada masa sama tetap mempunyai ciri-ciri kelembutan.

"Tunjukkan kepimpinan melalui tauladan kerana rasa hormat perlu dicipta… anda harus pandai mengimbangkan apa jua perkara, serta prinsip paling asas adalah sebagai seorang ketua kita semestinya adil dalam semua situasi.

"Seorang pemimpin yang berkaliber perlu meletakkan kepentingan organisasi melebihi kepentingan diri, dan jika semua pemimpin bersikap begini, pastinya sesebuah organisasi menjadi lebih kuat dan berjaya," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

# Kukuh perpaduan demi kelangsungan kemajuan negeri

**BAGAN DALAM -** Semua pihak di negeri ini perlu memainkan peranan dalam usaha memperkukuhkan semangat perpaduan demi kelangsungan kemajuan dan pembangunan negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri komited untuk terus memberi pembelaan sewajarnya kepada semua golongan di negeri ini tanpa mengira bangsa, agama serta latar belakang.

"Kerajaan Negeri bertuah kerana mempunyai wakil-wakil berkaliber bukan hanya daripada pihak kepimpinan, malah juga daripada badan bukan kerajaan (NGO) yang begitu komited dalam mewakili suara setiap rakyat di negeri ini agar segala kebajikan serta permintaan didengari oleh kepimpinan sedia ada.

"Justeru, pada kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (HEB) atas segala komitmen yang diberikan untuk terus memperkasakan komuniti India di negeri ini termasuk aspek keagamaan, pendidikan, perubatan serta pembangunan," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2019 pada 3 November lalu.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff merupakan tetamu kehormat pada acara yang berlangsung dekat Padang Dato' Haji Ahmad Badawi di sini.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta Ahli-Ahli Parlimen (MP); Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang serta ketua-ketua jabatan peringkat Persekutuan dan negeri.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa dengan semangat iltizam dan kekuatan yang ditunjukkan warganya, Pulau Pinang mampu mencipta lebih banyak kejayaan demi masa depan generasi akan datang.

"Segala perancangan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri hanya dapat dilaksanakan sekiranya setiap daripada kita mengambil tanggungjawab berasaskan prinsip keadilan, demokrasi serta toleransi," jelasnya.

Dalam pada itu, Ramasamy dalam ucapannya sebelum itu menyeru kepada komuniti India untuk memperbaharui azam demi kesejahteraan secara keluarga serta masyarakat.

"Masyarakat India juga harus peka kepada perkembangan teknologi terkini selain perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran, teknikal dan sebagainya dalam memenuhi permintaan industri hari ini," katanya.

Selain dihidangkan dengan pelbagai juadah tradisi masyarakat India, para tetamu juga turut dihiburkan dengan pelbagai persembahan nyanyian serta tarian oleh artis-artis daripada Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang.

# Harap dapat pecah rekod pelaburan tertinggi

**BUKIT TAMBUN -** Kerajaan Negeri berharap agar Pulau Pinang mampu memecahkan rekod jumlah pelaburan tertinggi bagi sektor pembuatan yang diluluskan pada tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pencapaian tertinggi yang pernah dicatatkan adalah melebihi RM12 bilion beberapa tahun lalu.

Dilaporkan bahawa Pulau Pinang berjaya menarik pelaburan bagi sektor pembuatan bernilai RM12.2 bilion pada tahun 2010.

"Saya boleh nyatakan bahawa tahun ini kita (Pulau Pinang) masih ada beberapa pelaburan yang sedang dirunding di peringkat akhir dan dalam proses menandatangani perjanjian selain sedang menunggu pakej insentif daripada Kerajaan Persekutuan.

"Walau bagaimanapun, jumlah sebenar hanya akan diumumkan selepas Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) membuat pengumuman rasmi mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program penanaman pokok dekat *Penang Science Park*, sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini pada 23 Oktober lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Pengurus Besar PDC, Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.




**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan PDC merakam gambar kenangan sejurus penyempurnaan gimik program penanaman pokok dekat *Penang Science Park* bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 PDC di sini baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.**

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa jumlah pelaburan yang dicatatkan adalah majoritinya terdiri daripada industri elektrik dan elektronik (E&E).

"Kita mungkin berpeluang mendekati atau melepasi angka ini (RM12 bilion) setelah mengambil kira pelaburan yang dirunding dapat dimeterai.

"Justeru, diharapkan pasukan pengurusan PDC dapat menunjukkan semangat juang yang tinggi untuk menyambut peluang-peluang yang datang ke negeri ini pada masa akan datang," ujarnya.

Beliau dalam pada itu juga memberitahu bahawa Kerajaan Negeri amat menghargai pengilang-pengilang sebagai *stakeholder* yang penting di negeri ini.

"Kita bangga bahawa Pulau Pinang terus memainkan peranan sebagai negeri yang menerajui pembangunan industri, khususnya dalam sektor elektrik dan elektronik," jelasnya yang turut memuji usaha dilaksanakan PDC dalam menarik pelaburan ke negeri ini.

Pada program tersebut, sebanyak 100 batang pokok daripada spesies Tembusu dan Penaga Laut ditanam di sepanjang jalan kawasan *Penang Science Park* yang menjadikan keseluruhan jumlah pokok yang akan ditanam adalah sebanyak 506 batang.

## Sebarang pembangunan baharu wajar ambil kira keadaan saliran kawasan setempat - ADUN

Oleh : **SUNARTI YUSOF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PADANG LALANG –** Kerja-kerja menaik taraf saliran bagi mengatasi kejadian banjir kilat di sekitar Jalan Tembikai dekat sini dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan Disember ini.

Timbalan Pengarah (Infrastruktur) Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Mohd. Syukri Said berkata, projek dengan kos kira-kira RM164,000 itu adalah melibatkan kerja-kerja membina sebuah parit untuk mengalirkan air terus ke rumah pam sedia ada dekat Medan Nangka.

"MBSP menjalankan dua projek tebatan banjir (fasa ketiga) di kawasan Padang Lalang iaitu di Tingkat Binjai 8 dan Tingkat Binjai 10 yang kerap mengalami banjir kilat apabila berlaku hujan lebat.

"Tingkat Binjai 8, kerja-kerja yang dilaksanakan adalah membina parit pintasan untuk mengalirkan air terus ke parit monsun dan seterusnya ke rumah pam melibatkan kos RM40,000 dan kini telahpun siap sepenuhnya.

"Manakala, projek di Tingkat Binjai 10 pula, MBSP masih dalam proses melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf parit sedia ada yang berliku supaya lebih lebar dan terus bersambung dengan parit monsun," ujarnya pada sidang media sempena lawatan ke tapak projek tebatan banjir Parit 4 dekat Jalan Tembikai di sini 31 Oktober lalu.



**CHONG Eng.**

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng; Ahli Majlis MBSP, Bernard Cheen Goon Hooi serta Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Mohd. Nasyarul Ahmad Rizan.



**LAWATAN tapak yang diadakan baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Mohd. Syukri memberitahu bahawa kerja-kerja menaik taraf saliran di Parit 4 kini telah siap 45 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2020.

Pada sidang media sama, Chong Eng turut mencadangkan supaya sebarang pembangunan baru yang akan dilaksanakan pada masa akan datang perlu mengambil kira keadaan saliran di kawasan terlibat bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat.

"Sebagai contoh di kawasan Permai Jaya yang kerap dilanda banjir kilat selepas berlaku banyak pembangunan seperti pembinaan pasar raya dan taman-taman perumahan.

"Justeru, kita berhasrat untuk mengkaji sama ada kolam takungan air yang ada di Permai Jaya boleh didalamkan lagi bagi menyimpan lebih banyak kapasiti air," katanya yang juga Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam.

Dalam pada itu, Goon Hooi memaklumkan bahawa satu lagi projek tebatan banjir telah diluluskan melalui Pejabat Ahli Parlimen Bukit Mertajam dengan kos RM20,000 melibatkan kerja-kerja memasang *culvert* bersaiz 99 milimeter dan panjang kira-kira 80 kaki persegi.

"Kerja-kerja menaik taraf ini bertujuan menyambungkan projek fasa ketiga ke parit utama dekat Jalan Binjai," jelasnya.

# Tukar status pemilikan Blok B PPR Desa Wawasan

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PADANG LALANG –** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju untuk menukar status pemilikan Blok B Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan kepada Skim Sewa Beli.

Kerajaan Negeri kini, katanya, sedang menjalankan proses pemindahan penduduk untuk mengosongkan 40 daripada 456 unit keseluruhannya di Blok B bagi tujuan tersebut.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak akan buat sekaligus 456 unit ini kerana proses pemindahan akan mengambil masa, jadi kita akan buat secara berfasa.

"Fasa pertama merangkumi 40 unit dan akan dilaksanakan mulai Mac 2020 yang mana sekarang ini kita sedang dalam proses pemilihan untuk menentukan mereka (penduduk) yang layak.

"Mereka yang mempunyai rekod bayaran sewaan dan caj penyelenggaraan yang baik akan diberikan keutamaan bagi projek ini.

"Walau bagaimanapun, jumlah sewaan bulanan melalui skim ini masih dalam proses untuk diperhalusi yang mana kita akan putuskan selewat-lewatnya sebelum Mac 2019," katanya pada sidang media selepas merasmikan kerja-kerja mengecat semula Blok A dan Blok B, PPR Desa Wawasan dekat sini 30 Oktober lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang merangkap Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi; Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Dato' Rohana Abdul Ghani; Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya (JKR) Seberang Perai Tengah, Tajuddin Yahaya serta Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Desa Wawasan, Mohd. Sanusi Ahmad turut menyertai program berkaitan.



RUPA bentuk Blok B, PPR Desa Wawasan.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa pelaksanaan projek terbaru itu menjadikan jumlah keseluruhan unit perumahan yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri melalui secara sewa beli adalah sebanyak 2,009 unit merangkumi empat projek di Seberang Perai, dan satu projek di bahagian pulau.



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) dan Sr. Rozali Mohamud (dua dari kanan) menyempurnakan gimik perasmian kerja-kerja mengecat semula Blok A dan Blok B, PPR Desa Wawasan di sini baru-baru ini.

"Hal ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri serius berhubung hasrat untuk memperluaskan kaedah pemilikan melalui sewa beli bagi membantu mereka yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri," jelasnya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Jagdeep memaklumkan bahawa kos bagi mengecat semula kedua-dua blok berkenaan adalah sebanyak RM1,552,225 dan siap sepenuhnya pada Julai 2019.

"Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM6,937,210.12 bagi melaksanakan beberapa projek baru dan penyelenggaraan di PPR Desa Wawasan termasuk pembinaan taman permainan dan rekreasi, pemasangan bumbung di laluan pejalan kaki, penyelenggaraan lif, meningkatkan keselamatan dan kebersihan serta banyak lagi," hurai beliau.

Dalam pada itu, Chong Eng menasihati penduduk supaya menghargai segala kemudahan yang disediakan Kerajaan Negeri untuk menjadikan PPR Desa Wawasan sebagai projek perumahan kos rendah yang paling sesuai untuk didiami di negeri ini.

"Saya juga menasihati penduduk supaya membayar sewa sebanyak RM100 sebulan dan caj penyelenggaraan (RM24) untuk melancarkan kerja-kerja penyelenggaraan bagi manfaat semua," serunya.

Sebagai rekod, Kerajaan Negeri membelanjakan kira-kira RM231 juta untuk kerja-kerja menyelenggara skim perumahan awam, skim perumahan swasta dan skim perumahan di bawah seliaan kedua-dua pihak berkuasan tempatan (PBT) di negeri ini.

## Usahawan tempatan bakal terima latihan asas perniagaan digital

**BATU UBAN –** Seramai 1,200 usahawan tempatan di negeri ini bakal menerima latihan asas perniagaan digital menjelang tahun hadapan.

Exco Perdagangan Antarabangsan & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata, latihan tersebut penting dalam usaha memperkasakan bidang perniagaan digital bagi meningkatkan pendapatan golongan usahawan.

"Ini tidak termasuk latihan atau asas yang diterima melalui agensi-agensi kerajaan lain atau anak-anak syarikat milikan kerajaan mahupun swasta.

"Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk memajukan bidang ini memandangkan model perniagaan hari ini telah berubah kepada 'hujung jari' sahaja," ujarnya pada Seminar eUsahawan Go Penang Digital di sini 12 Oktober lalu.

Hadir sama, Pengurus E-Usahawan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Esza Mazyatul Mohd Eshak; Pengurus Pembangunan Perniagaan MDEC, Muhamad Ridzuan Mohamad Kasmani dan Pengarah Pusat Keusahawanan USM, Prof. Madya Dr. Zulnaidi Yaacob.

Mengulas lanjut, Abdul Halim turut menyambut baik langkah Kerajaan Persekutuan menyediakan RM450 juta dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan baru-baru ini bagi melaksanakan rangsangan digital dalam meningkatkan kepenggunaan rakyat Malaysia, peniaga serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menggunakan *e-wallet*.



ABDUL Halim Hussain (berdiri tiga dari kanan) bersama-sama barisan penganjur, MDEC dan USM bergambar kenangan dengan sebahagian peserta yang mengikuti Seminar eUsahawan Go Penang Digital di sini baru-baru ini.

"Peruntukan ini tidak termasuk dana RM200 juta khusus untuk usahawan wanita, dengan tawaran pembiayaan sehingga RM1 juta bagi setiap PKS.

"Selain itu, peruntukan dana sebanyak RM300 juta turut diumumkan untuk menyokong PKS berpotensi menjadi jaguh serantau, dengan keutamaan diberikan kepada pengeluar produk halal serta pengeluar produk dengan kandungan tempatan yang tinggi," tambahnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Dalam pada itu, beliau turut menasihati 200 usahawan yang menyertai seminar tersebut agar sentiasa 'dahagakan' kejayaan supaya mereka akan terus berusaha keras melalui platform usahawan digital.

# Biasiswa Kecil Negeri manfaatkan 30,881 pelajar sehingga kini

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Seramai 610 pelajar baharu dari 108 sekolah menengah membabitkan kelima-lima daerah di negeri ini menerima sumbangan Biasiswa Kecil Negeri (BKN) Pulau Pinang pada tahun ini.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, pemberian biasiswa tersebut melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM406,080.

"Bagi Daerah Timur Laut sahaja, seramai 76 pelajar layak menerima BKN pada tahun ini melalui peruntukan berjumlah RM50,880, manakala Daerah Barat Daya (103 pelajar) melibatkan kos berjumlah RM69,960.

"Sumbangan yang disampaikan ini adalah atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menghargai serta menjaga kebajikan warga negeri.

"Justeru, diharapkan ia dapat meringankan beban ibu bapa serta waris pelajar terutamanya daripada keluarga berpendapatan rendah tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang politik," ucapnya mewakili Ketua Menteri pada Majlis Penyerahan Cek BKN Pulau Pinang Peringkat Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya di sini pada 13 November lalu.

Hadir sama, wakil Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Amat Sazali Abu Hassan; guru-guru besar serta para pelajar.

Mengulas lanjut, Chong Eng memberitahu bahawa sejak 2008, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM19.98 juta bagi tujuan berkaitan yang telah memanfaatkan seramai 30,881 pelajar di negeri ini.

Tambah beliau, melalui usaha tersebut, Pulau Pinang akan terus berkembang serta dapat membina reputasi sebagai pusat kecemerlangan bagi menarik bakat-bakat baru serta terbaik selaras dengan agenda Ekonomi Digital Industri 4.0.

"Selaras dengan Pelan Transformasi Digital Pulau Pinang serta Visi Penang2030, pemerkasaan rakyat melalui pembangunan modal insan tidak boleh diabaikan.

"Justeru, Kerajaan Negeri menyedari bahawa cara paling efektif untuk memperkasakan modal insan adalah melalui pendidikan sama ada formal, sivik mahupun pembelajaran sepanjang hayat," ujarnya.

Dalam pada itu, bagi kawasan Seberang Perai pula menyaksikan seramai 431 pelajar layak menerima BKN pada tahun ini iaitu 157 pelajar dari daerah SPT, SPU (157 pelajar) dan SPS (117 pelajar) melalui peruntukan berjumlah RM69,960.

Majlis penyampaian berkaitan disempurnakan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy pada 14 November lalu.

Difahamkan, setiap pemerima BKN yang layak menerima wang tunai berjumlah RM600 bagi pelajar sekolah menengah rendah, manakala RM840 bagi sekolah menengah atas.




CHONG Eng (tengah) bergambar kenang-kenangan bersama-sama para penerima BKN sempena majlis penyampaian cek sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.



PROF. Dr. P. Ramasamy (berkemeja putih) menyampaikan dokumen BKN kepada salah seorang wakil pelajar yang layak.



SEBAHAGIAN pelajar yang berjaya.



# Teliti pengisian program MFLS melalui maklum balas

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**




KETUA Menteri (berkemeja putih) berkongsi pengalaman dengan para peserta MFLS bersempena majlis perasmian penganjuran berkaitan di Kem Wawasan Negara Pulau Betong dekat sini baru-baru ini.

**PULAU BETONG -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow percaya kejayaan untuk menjadi seorang pemimpin adalah bermula daripada kejayaan kepimpinan terhadap diri sendiri dahulu.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Malaysia Future Leaders School (MFLS) Peringkat Negeri Pulau Pinang di Kem Wawasan Negara Pulau Betong, Balik Pulau pada 16 November lalu.

"Pentakrifan pemimpin adalah penting, kerana pemimpin di merata-rata tempat mula memimpin terhadap diri sendiri terlebih dahulu.

"Yang paling susah adalah memimpin diri sendiri, sebab kalau kita gagal memimpin diri sendiri, maka kita tidak akan menjadi pemimpin yang berkesan di luar diri sendiri," ujarnya yang turut meluangkan masa hampir satu jam melawat kawasan sekitar kem tersebut di sini.

Dalam lawatan tersebut, Kon Yeow turut disajikan dengan pelbagai aktiviti (MFLS) seperti perkhemahan, kayak, aktiviti lasak termasuk makan bersama 127 pelajar-pelajar terlibat.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim; Pegawai Daerah bagi Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri dan barisan kepimpinan Jabatan Belia dan Sukan Pulau Pinang.

Kon Yeow dalam pada itu sempat berkongsi pengalaman beliau ketika menganggotai pasukan beruniform pengakap.

"Saya juga berpengalaman menjadi ahli pengakap yang mana ada peluang untuk keluar dari sekolah bagi mengadakan pekhemahan tetapi lazimnya satu atau dua malam sahaja.

"Kadang-kala apabila kita di zaman itu (remaja) kita tidak tahu apa faedahnya, tetapi setelah melangkau usia (dewasa), buat renungan balik, sedikit-sebanyak ia membentuk jati diri, perwatakan kita, disiplin, pegangan, nilai murni serta lain-lain sahsiah diri," katanya yang juga ADUN Padang Kota.

Justeru, beliau percaya bahawa bagi pelaksanaan program MFLS baharu, kemungkinan Kementerian (Belia dan Sukan) akan menelitinya melalui maklum balas para pelatih, jurulatih, guru-guru bagi melihat pengisian latihan tersebut.

"Tadi pun kita tanya beberapa pelatih menyatakan bahawa 10 hari adalah tidak cukup, mungkin sebulan barulah dapat menjalankan aktiviti dengan lebih banyak serta lebih baik," ulas Ahli Parlimen Tanjong itu.





ANTARA aktiviti luar yang dijalankan.

## Eko Komuniti setiap KADUN demi capai sasaran kadar kitar semula 2022

**BAGAN JERMAL –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat memperluaskan program Eko Komuniti ke setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) melalui penglibatan barisan Ahli Majlis.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, Ahli-Ahli Majlis yang dilantik akan diarahkan untuk mengadakan program berkenaan secara berkala bagi meningkatkan lagi tahap kebersihan di negeri ini.

"Kita amat mengalu-alukan program ini kerana ia bertepatan dengan cogan kata Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bersih, hijau, sihat dan selamat.

"Selain itu, program ini juga membantu Kerajaan Negeri dalam mencapai sasaran kadar kitar semula yang ditetapkan menjelang 2022 iaitu 70 peratus bagi kawasan Seberang Perai dan pulau (50 peratus).

"Jadi, kita mengucapkan terima kasih kepada Menteri kerana sudi memilih Projek Perumahan Rakyat (PPR) Bagan Jaya sebagai salah satu lokasi bagi program ini," katanya selepas pelancaran program berkenaan dekat PPR Bagan Jaya di sini pada 9 November lalu.

Program tersebut dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon; Timbalan Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng serta ramai lagi.

Dalam pada itu, Zuraida dalam ucapannya sebelum itu memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan bersedia mempertimbangkan permohonan RM100 juta yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan penyelenggaraan projek perumahan awam di negeri ini.

"Pulau Pinang sebagai negeri yang mempunyai dua majlis bandaraya sudah tentu memerlukan pendekatan berbeza kerana (Pulau Pinang) sudah ke depan dan mempunyai keistimewaan tersendiri," ujarnya.

Program Eko Komuniti diperkenalkan bagi menggalakkan penglibatan komuniti setempat terutamanya penduduk yang menetap di PPR dalam menjaga kebersihan awam dan mengutamakan kesihatan.

Selain itu, ia juga membantu meningkatkan kesedaran komuniti mengenai kepentingan pengasingan sampah di samping membantu menjana pendapatan sampingan dengan sampah yang dikitar semula.

Difahamkan, PPR Bagan Jaya menjadi lokasi pertama pelancaran program berkenaan dan akan dilaksanakan di lima lagi PPR iaitu PPR Desa Mutiara, Tebrau, Johor; PPR Padang Hiliran (Terengganu); Laman Budaya, Kuala Kangsar (Perak); Taman Kosas, Ampang (Selangor) dan PPR Taman Sri Keramat, Putatan di Sabah.

# Komited tumpu pembangunan modal insan




**KETUA Menteri bersama-sama barisan penganjur dan para jemputan merakam gambar kenangan dengan para pelajar serta waris masing-masing pada Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT bagi Daerah SPT di sini baru-baru ini.**

Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus memberikan tumpuan terhadap pembangunan modal insan yang menjadi pemangkin kepada pembangunan negeri pada masa akan datang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, bagi tujuan tersebut Kerajaan Negeri bersetuju meneruskan pemberian sumbangan kepada pelajar berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) melalui peruntukan berjumlah RM4 juta dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan baru-baru ini

"Visi Penang2030: Negeri Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga yang Menginspirasikan Negara yang bertindak sebagai panduan untuk wawasan pembangunan masa depan negeri ini memerlukan sokongan serta penglibatan seluruh masyarakat tanpa terkecuali.

"Oleh itu, sumbangan daripada segi ilmu, idea dan kepakaran golongan muda amat diperlukan demi kejayaan negeri tercinta ini.

"Besar harapan Kerajaan Negeri untuk menunggu kepulangan anda semua bagi menggembleng tenaga serta bakat demi Pulau Pinang yang lebih bersih, hijau, dan selamat," ucapnya pada Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT bagi Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) di sini 16 November lalu.

Hadir sama, Pegawai Daerah SPT, Kamarul Haizal Koderat serta ibu bapa dan para pelajar.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga berhasrat mencapai keseimbangan pembangunan dalam pelbagai aspek antara kawasan pulau dan Seberang Perai termasuk merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat.

"Keseimbangan pembangunan adalah penting demi memastikan seluruh penduduk dapat menikmati hasil daripada kemajuan sosial dan ekonomi negeri ini.

"Saya percaya kaedah pembangunan yang diamalkan sepanjang 11 tahun ini berjaya mencapai sasaran dan matlamatnya walaupun bukan 100 peratus tetapi cukup tinggi untuk meletakkan Pulau Pinang sebagai negeri teratas daripada segi pembangunan berbanding negeri-negeri lain di negara ini," katanya.

Difahamkan, seramai 543 pelajar dari daerah SPT yang berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat diploma dan ijazah di seluruh negara bagi kemasukan September 2019 layak menerima insentif tersebut.

Bagi pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT di Semenanjung Malaysia menerima sumbangan berjumlah RM1,000 manakala Sabah dan Sarawak pula (RM1,200) serta RM300 (peringkat politeknik).

# Harap GTLF terus gamit artis, intelektual ke Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** George Town, sejak awal kurun ke-19 telah membuat pelbagai penampilan dalam media barat, dengan kehadiran selebriti Hollywood seperti Orson Welles dan Rita Hayworth yang diketahui telah jatuh cinta dengan Pulau Pinang.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeoh berkata bahawa dengan sejarah negeri yang begitu kaya dalam pelbagai bidang, maka, tidaklah menghairankan apabila Pulau Pinang sentiasa dikenali sebagai antara pusat pertemuan dalam kalangan artis serta intelektual serantau.

"(GTLF) ini adalah satu-satunya perayaan di negara (Malaysia) yang menyediakan sesi syarahan, temu bual, perbincangan serta pembacaan sebagai persembahan utamanya, dan ia juga merupakan tempat paling selesa untuk membincangkan isu-isu global semasa, dengan penonton awam," jelasnya ketika merasmikan acara *Festival Kesusasteraan George Town* (GTLF) *2019* bertemakan *'Forewords Afterwords'* di sini pada 23 November 2019.

Turut berucap, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Haji Abang Sallehuddin Abg. Shokeran turut berucap, mewakili Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Biro Konvensyen dan Pameran Pulau Pinang (PCEB), G. Ashwin serta dua Pengarah Bersama Festival bagi GTLF 2019, Pauline Fan dan Sharaad Kuttan.

Tambah Kon Yeow, GTLF kekal sebagai satu-satunya perayaan di Asia Tenggara yang membawa pulang Anugerah Festival Kesusasteraan dari *London Book Fair*.

"Selama bertahun-tahun, orang ramai telah pergi jauh dan berada di sini untuk menjadi sebahagian daripada perayaan ini.

"Dan, pada tahun ini, kami bangga menjadi tuan rumah kepada lebih 100 bakat dari seluruh dunia, sambil mempamerkan Pulau Pinang sebagai tempat yang menawarkan persekitaran sempurna untuk minda sastera yang menyerlah di dunia, untuk mengumpul serta bertukar pengetahuan.

"Saya harus mengatakan bahawa saya sangat bangga apabila GTLF telah berkembang menjadi salah satu perayaan sastera terkemuka di dunia, dan kini merupakan daya tarikan penting pelbagai latar belakang di rantau Asia Tenggara," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Sebelum itu, Abang Sallehuddin menyatakan bahawa GTLF dilihat antara program Kerajaan Negeri ke arah memupuk minat membaca buku dalam kalangan rakyat, yang sedang gigih diusahakan oleh Kementerian Pendidikan sendiri.

## Draf pertama garis panduan baharu TOD jangka siap suku pertama 2020

**DATUK KERAMAT –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mewujudkan satu garis panduan baharu, *Transit Oriented Development* atau lebih dikenali sebagai TOD dalam usahanya melengkap serta menggalakkan pembangunan perumahan berhampiran kawasan perkhidmatan *Light Rapid Transit* (LRT) dan stesen bas awam.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, selaras dengan matlamat tersebut, beliau telah mengarahkan Plan Malaysia dan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri untuk merangka draf dan menyediakan panduan TOD untuk Pulau Pinang.

"Saya telah arahkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk segera sediakan draf ini dengan mengambil kira aspek-aspek dan bidang kuasa negara lain yang telah mempraktikkannya.

"Saya menjangkakan kedua-dua PBT dapat menyediakan draf pertama seawal suku pertama tahun hadapan (2020), jadi pemaju mempunyai masa untuk merancang pembinaan projek perumahan mereka di kawasan terlibat," jelasnya pada sidang media di sini 16 November lalu.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen dan Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer.

Berdasarkan projek pembangunan LRT di sepanjang jajaran Komtar ke Bayan Lepas, terdapat 27 stesen utama iaitu Fasa 1 membabitkan pembinaan 20 stesen dari Komtar ke Pulau A (projek tambak laut di perairan selatan, PSR) dan Fasa 2 (tujuh stesen menghubungkan Pulau A, B dan C).

Mengulas lanjut mengenai garis panduan baharu yang akan diperkenalkan tersebut, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan memberikan keutamaan dan insentif kepada pemaju yang membangunkan skim perumahan menggunakan kaedah TOD di sepanjang jajaran berkenaan.

"Seperti semua telah sedia maklum, sejumlah 102,335 unit rumah kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan rumah mampu milik (RMM) telah berjaya dicapai setakat ini membabitkan pelbagai peringkat penyediaan.

"Bagi menjayakan Visi Penang2030, saya telah menetapkan sasaran baharu iaitu 180,000 KR, KSR, RMM yang mana baki ini kira-kira 78,000 unit lagi perlu dibina menjelang tahun 2030.

"Pembangunan 78,000 unit ini akan mengikut kaedah bersandarkan garis panduan (TOD) ini… kita juga akan melakukan pelarasan major terhadap jumlah tempat letak kereta yang dibenarkan selepas ini dalam menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam sekaligus mengurangkan kenderaan dan jejak karbon, tuntas menjadikan Pulau Pinang lebih hijau, selamat dan mampan," ujarnya yang juga merupakan ADUN Datuk Keramat.

Dalam pada itu, Jagdeep turut mensasarkan pengguna bas awam menjelang tahun 2030 akan meningkat kepada 30 peratus di bahagian pulau dan 40 peratus (Seberang Perai).

"Berdasarkan ratio kini, penggunaan bas awam hanya empat peratus di bahagian pulau dan lapan peratus (Seberang Perai).

"Untuk itu, kita akan cuba kenal pasti lebih banyak lokasi strategik membangunkan stesen bas," jelasnya sambil menambah bahawa terdapat 1,711 stesen bas di seluruh Pulau Pinang dengan 404 perkhidmatan bas rapid membabitkan 71 laluan.

# WCC sinar harapan mangsa jenayah seksual, keganasan rumah tangga



SEBAHAGIAN peserta *Penang Goes Orange: I Stop VAWC* yang berlangsung di Padang Dato' Haji Ahmad Badawi baru-baru ini.

**SEBAGAI** mangsa jenayah seksual atau keganasan rumah tangga, rujuk kes ke mahkamah merupakan jalan terbaik supaya keadilan dapat ditegakkan.

Namun untuk menerangkan tentang jenayah yang terjadi, pelbagai prosedur perundangan serta laporan perubatan perlu dilalui yang memperuntukkan kekuatan mental dan emosi mangsa. Ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk seseorang dewasa atau kanak-kanak yang terlibat dengan penderaan seksual serta keganasan rumah tangga tampil mengambil tindakan sedemikian.

Berpaksikan realiti tersebut, penubuhan Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) pertama di Pulau Pinang sedekad lalu hasil kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Women's Centre for Change* (WCC) dan Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) membekalkan platform terbaik kepada mangsa-mangsa berkenaan.

Wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan jurugambar, **ALVIE CHENG** sempat meluangkan masa bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang pertubuhan tersebut yang pastinya memberi impak dan sinar baharu buat mereka terlibat.



SUSAN Siew.

Presiden WCC, **SUSAN SIEW PUI FUN** memberitahu bahawa pertubuhannya telah beroperasi selama 25 tahun, manakala tahun ini, PPW meraikan ulang tahun ke-10.

"Oleh kerana lokasi WCC di bahagian pulau, maka jangkauan dan impak perkhidmatan kami di Seberang Perai adalah terhad walaupun hakikatnya kami (WCC) sedar akan keperluan serta perkhidmatan untuk golongan wanita dan kanak-kanak di sana (Seberang Perai) adalah sama penting.

"Selepas Pakatan Harapan (PH) mengambil alih tampuk pemerintahan negeri pada tahun 2008, maka Exco bertanggungjawab ketika itu, YB Lydia Ong Kok Fooi, bersama-sama dengan YB Chong Eng telah bertemu dengan WCC bagi mencari jalan penyelesaian untuk memperbaiki kehidupan wanita, kanak-kanak dan masyarakat di negeri ini.

"Menyedari akan peri penting menubuhkan sebuah pusat perkhidmatan di Seberang Perai, hasil perkongsian pintar bersama-sama Kerajaan Negeri dengan WCC, maka tertubuhlah PPW pada 10 tahun lalu," jelasnya dalam sesi wawancara di sini baru-baru ini.

Susan berkata, statistik jumlah keganasan rumah tangga dan kes serangan seksual yang diperoleh daripada Hospital Seberang Jaya (HSJ) merupakan penunjuk utama kepada keperluan perkhidmatan WCC di Seberang Perai.

"Melalui kerjasama pintar ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan pembiayaan, sementara WCC menguruskan kakitangan dan pusat operasi untuk membantu wanita serta kanak-kanak yang berada di dalam lingkungan 'krisis' tersebut membabitkan kawasan Seberang Perai (Pulau Pinang), Kedah dan Perlis.

"Sambutan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh PPW di Seberang Perai adalah sangat memberangsangkan apabila terdapat wanita-wanita dari Kulim dan Sungai Petani (Kedah) yang berkunjung semata-mata bagi mendapatkan bantuan serta sokongan.

"Perkongsian pintar dengan Kerajaan Negeri secara tidak langsung membolehkan kami mendekati ribuan wanita, kanak-kanak dan masyarakat tempatan di sini (Seberang Perai) dan juga Kedah… yang mana setiap tahun, kami menguruskan lebih 200 kepelbagaian kes," ujarnya sambil menyifatkan kerjasama sedekad tersebut merupakan contoh terbaik yang harus dicontohi NGO lain untuk kebaikan masyarakat.

Mengulas lanjut, Susan menyatakan bahawa bilangan kes keganasan rumah tangga dan serangan seksual yang dilaporkan HSJ adalah dua kali ganda lebih banyak berbanding Hospital Pulau Pinang (HPP).

"Secara tidak langsung, penubuhan PPW telah membolehkan WCC memperluaskan kerja-kerja advokasi kami di hospital-hospital kerajaan di Seberang Perai seperti menubuhkan *One Stop Crisis Centre* (OSCC) dekat Hospital Seberang Jaya (HSJ) pada tahun 2012 dan yang terbaharu, Hospital Kepala Batas dan Hospital Bukit Mertajam.

"Lanjutan itu, PPW juga merancang untuk meningkatkan kerjasama dengan HSJ dan ketiga-tiga hospital di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) yang mana ia adalah keutamaan untuk memastikan bahawa mangsa serangan domestik dan seksual mendapat sokongan segera serta (mendapat) akses kepada keadilan," tegasnya.

Menurut Susan, pada tahun 2018, pasukan advokasi WCC telah menguruskan 62 kes domestik dan serangan seksual yang mana 44 kes daripadanya telah difailkan di mahkamah. Selain itu, turut diuruskan adalah 37 kes membabitkan kanak-kanak, dewasa (7).

"Secara dasarnya, pada tahun sama (2018), keseluruhan jumlah kes yang diuruskan oleh dua pusat berkenaan (bahagian pulau dan Seberang Perai) adalah sebanyak 552 kes baharu iaitu pecahan 175 adalah keganasan rumah tangga, masalah rumah tangga (146), serangan seksual terhadap dewasa dan kanak-kanak (53) dan lain-lain kes (178).




SOKONGAN pelbagai peringkat lapisan masyarakat kepada kempen hentikan keganasan rumah tangga dan jenayah seksual terhadap wanita serta kanak-kanak.

## Kesedaran melalui program dan pendidikan

Selain membantu golongan wanita dan kanak-kanak terbabit, WCC dan PPW juga agresif dalam menjalankan program-program kesedaran dalam kalangan masyarakat dan negeri-negeri di wilayah utara.

"WCC dan PPW memberi sokongan moral dan bantuan, malah juga giat menjalankan program-program bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tempatan serta sekolah.

"Umumnya, ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab penting… pada tahun-tahun sebelumnya, ribuan pelajar telah didedahkan serta diajar untuk mengenali 'sentuhan' baik dan buruk. WCC dan PPW juga telah melatih para guru untuk menggunakan program 'Ok Tak Ok' bagi mendidik pelajar-pelajar di sekolah.

"Bagi perancangan jangka panjang, WCC dan PPW turut merancang melatih lebih ramai guru di peringkat daerah supaya pelajar-pelajar diajar mengenai keselamatan diri serta bahaya, pencegahan keganasan seksual serta perlindungan anak-anak kita.

"Pada peringkat komuniti, PPW dan WCC bekerjasama dengan barisan ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) dan Ahli-ahli Parlimen tempatan untuk melaksanakan program bersama-sama atau aktiviti memfokuskan isu hak wanita," katanya sambil menaruh harapan agar suatu masa nanti semua usaha berkenaan membuahkan hasil.



# Benih ikan dan udang galah demi tambah sumber perikanan

Gambar : **JABATAN PERIKANAN NEGERI PULAU PINANG**



**PERSEDIAAN bagi pelepasan benih-benih berkaitan pada majlis khas yang diadakan.**

**PENAGA** – Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang melepaskan 25,000 ekor benih ikan baung dan benih udang galah (20,000 ekor) di perairan umum dekat Sungai Muda, di sini pada 4 November lalu.

Majlis perasmian program tersebut disempurnakan oleh Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar.

Noraisyah berkata, pelaksanaan program tersebut adalah bertujuan menambah sumber perikanan dekat perairan umum yang kini semakin berkurangan.

"Program ini merupakan salah satu usaha Jabatan Perikanan Negeri (Pulau Pinang) dalam menyokong matlamat menjamin kecukupan bekalan makanan dan memenuhi permintaan masyarakat di negeri ini.

"Selain itu, ia juga bagi memastikan populasi hidupan marin sentiasa mampan dan menyumbang kepada pendapatan nelayan setempat selain boleh menjadi tarikan kepada para pemancing," ucapnya pada majlis berkaitan.

Difahamkan, program tersebut turut mendapat kerjasama daripada Komuniti Perikanan (myKP) Sungai Muda.

Selain pelepasan anak benih ikan dan udang, turut berlangsung adalah program demonstrasi membuat pekasam oleh Pusat Pekasam Lenggong, Perak kepada isteri nelayan.



**BENIH-benih ikan baung dan benih udang galah dilepaskan dekat Sungai Muda di sini baru-baru ini.**

Pada kesempatan itu juga, pihak *Fisheries Demonstration & Transformation Centre* (FIDTEC) Tasek Gelugor menjalankan demonstrasi enjin sangkut kepada nelayan-nelayan terlibat.

# Penyu spesis terancam *'Loggerhead'* kembali semula ke laut

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAYAN LEPAS** - Seekor penyu spesies *'Loggerhead'* atau dikenali sebagai penyu tempayan dilepaskan semula ke laut setelah menerima rawatan pemulihan daripada Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang.

Menurut Pengarah Perikanan, Noraisyah Abu Bakar, penyu betina itu dijumpai pada 7 September lalu ketika haiwan vertebrata tersebut dipercayai tersangkut pada pukat hantu dekat perairan Pulau Kendi di sini oleh seorang nelayan.

"Nelayan tersebut pada mulanya melepaskan kembali penyu ini ke laut, namun mendapati ia tidak mampu berenang dengan baik akibat kecederaan, lalu pasukan dari Jabatan Perikanan telah dimaklumkan dan mengambilnya untuk dirawat di Batu Maung.

"Sebenarnya spesies *'Loggerhead'* ini bukan dari perairan Malaysia dan ia merupakan spesies terancam dipercayai berasal dari Lautan Mediterranean, Atlantik, Pasifik atau Hindi.

"Saya percaya ia datang ke perairan Pulau Kendi bagi mencari makanan di kawasan ini ekoran banyak tukun tiruan di sini," ujar beliau selepas majlis pelepasan penyu tersebut dekat pantai Pasir Belanda, Teluk Kumbar di sini 24 Oktober lalu.

Penyu seberat kira-kira 60 kilogram (kg) itu dianggarkan sudah mencapai usia dewasa dan mempunyai ukuran 111 sentimeter (sm) panjang (cangkerang) serta ukur lilit kepala (17sm).

Pelepasan turut disaksikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik, penduduk tempatan dan kanak-kanak dari Tabika KEMAS Pasir Belanda.

Dalam menjaga kemandirian spesies penyu, Noraisyah menasihatkan agar orang ramai tidak membuang sampah seperti plastik mahupun penyedut minuman plastik ke dalam laut yang boleh menjadi ancaman kepada haiwan tersebut.



**AZRUL Mahathir Aziz (berkemeja jingga) melihat secara dekat pelepasan penyu *'Loggerhead'* sambil diperhatikan Noraisyah Abu Bakar (bertudung kuning) di sini baru-baru ini.**

"Penyu melihat plastik seperti obor-obor, apabila dimakan ianya tidak dapat dicerna dan penyu tersebut akan hilang selera makan dan seterusnya mati," tegasnya.

Difahamkan, sebelum ini, lokasi sama (pantai Pasir Belanda) turut mencatatkan beberapa kali pendaratan dan penetasan anak-anak penyu.

"Justeru, sekiranya ada nelayan atau orang awam yang terjumpa penyu di mana-mana lokasi, kami harap mereka dapat maklumkan kepada Jabatan Perikanan untuk direkodkan," serunya.




| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnof@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamoorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | U. Jagatisan | Seberang Perai Selatan | | 010 - 563 2279 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



**Layari**

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Pembersihan jalan mekanikal, *Dulevo 6000* tingkat kecekapan dan keselamatan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang memperuntukkan lebih RM1 juta bagi pembelian sebuah jentera jalan *Dulevo 6000* sebagai usaha serampang dua mata dalam menjimatkan masa pembersihan serta mengurangkan risiko kepada para pekerja berkaitan.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo pada majlis pelancarannya berkata bahawa inisiatif pembersihan jalan secara mekanikal mampu meningkatkan kecekapan, kualiti serta menjimatkan kos pada jangka masa panjang.

"Setiap tahun, MBPP memperuntukkan kira-kira RM12.77 juta untuk kontrak pembersihan jalan dan parit yang mana jumlah ini bukanlah kecil. Lanjutan itu, Majlis perlu melihat bagaimana untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti melalui pemodenan iaitu inisiatif pembersihan menggunakan kaedah secara mekanikal.

"Walaupun peruntukan yang tinggi diperlukan untuk pembelian jentera, namun kita (MBPP) perlu membuat perbandingan daripada segi keupayaan serta tambah nilai yang dapat diperoleh daripada jentera mekanikal ini yang dapat menjadikan Pulau Pinang lebih bersih ke arah mencapai matlamat Visi Penang2030.

"Umumnya, jentera jenis *Dulevo 6000* ini bukan hanya dapat menjimatkan masa, malah turut mengurangkan risiko kepada pekerja yang mana ia berupaya mengambil alih tugas (pekerja) seramai 60 orang, dan lebihan tenaga kerja ini kemudiannya boleh disalurkan kepada kawasan atau perkhidmatan pembersihan lain seperti di pasar awam, kompleks makanan serta juga tandas awam," ujarnya lanjut pada Majlis Perasmian Inisiatif Pembersihan Jalan Secara Mekanikal di sini 30 Oktober lalu.



PANDANGAN sisi *Dulevo 6000.*

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali (Setiausaha Bandaraya), Ong Jet Wee (Pengurus Besar Jetcan) dan Davide Scimia (Pengurus Eksport Asia Dulevo International).

Difahamkan, jentera berkaitan mampu menyapu jalan berkelebaran 3.5m (meter) dan berkeupayaan bergerak pada kelajuan 8-10km/sejam yang mana ia boleh membersihkan kawasan seluas 105,000m2/jam iaitu lima kali ganda liputan lebih besar daripada jentera sedutan sedia ada.

Uniknya, jentera buatan Itali tersebut bukan sahaja mampu mengutip sampah yang besar dan berat sehingga 10kg (kilogram), malahan turut dilengkapi dengan ciri-ciri seperti penapis habuk bagi mengurangkan pencemaran, reka bentuk yang ergonamik, pemanduan hidrostatik dan sistem tekanan air tinggi bagi membersihkan jalan.



**(Dari kiri), IR. Addnan Mohd. Razali, Ar. Yew Tung Seang dan Jagdeep Singh Deo menunjukkan tanda bagus sambil meneliti kebolehan *Dulevo 6000* pada Majlis Perasmian Inisiatif Pembersihan Jalan Secara Mekanikal di sini baru-baru ini.**



**DEMONSTRASI yang diadakan.**

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat menyatakan bahawa penggunaan jentera *Dulevo 6000* tersebut adalah yang pertama di dalam negara dan menjadikan Pulau Pinang dan MBPP sekali lagi menerajui di dalam pendekatan berkaitan.

"Buat masa ini, kita (MBPP) sedang adakan perbincangan lanjut jika terdapat keperluan untuk menambah (membeli) jentera ini, malah saya juga akan mengesyorkan kepada Datuk Bandar MBSP (Majlis Bandaraya Seberang Perai) untuk mempertimbangkan penggunaan jentera ini di kawasan Seberang Perai," jelasnya.

## Dana PPP dan TPPM, dua pihak berbincang lanjut

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengenal pasti 33 unit lif di beberapa rumah pangsa di seluruh daerah untuk tujuan penggantian membabitkan nilai RM8.9 juta, ujar Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Jagdeep berkata, tindakan itu susulan respons pantas daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang ingin mengadakan perbincangan lanjut berhubung permohonan peruntukan yang dibuat Kerajaan Negeri melalui Projek Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) tahun hadapan.

"Ini adalah berita baik buat Pulau Pinang, apabila kita berjumpa dengan Menteri KPKT (Zuraida Kamaruddin) pada 9 November 2019, saya mohon agar beliau memberikan pertimbangan khusus kepada permohonan Kerajaan Negeri untuk dana penyelenggaraan dan beliau secara verbalnya mengatakan akan memberikan 'layanan istimewa' kepada Pulau Pinang.

"Tapi, agak mengejutkan apabila baru-baru ini pihak atasan di KPKT telah menghubungi Pn. 'Ainul di Bahagian Perumahan untuk mengadakan pertemuan pada 25 November depan bagi berbincang dengan lebih lanjut.

"Dan, kita (Kerajaan Negeri) telah diminta untuk mengenal pasti projek-projek kritikal iaitu lif terlebih dahulu untuk dibincangkan," ujarnya pada sidang media di sini 14 November lalu.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Mardhiyah Samsudi; Fakhurazzi Ibnu Omar (Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Dasar & Pembangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff (Penolong Setiausaha Kanan, Seksyen Pengurusan Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri).

Mengulas lanjut mengenai perkembangan positif berkenaan, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu bahawa sejumlah RM28.7 juta dana PPP telah dimohon untuk penyelenggaraan perumahan awam, dan TPPM sebanyak RM72.1 juta (perumahan swasta kos rendah) tahun hadapan.

Jelasnya, jumlah tersebut bukan hanya melibatkan penggantian lif, tetapi turut merangkumi tangki air serta sistem retikulasi, penggantian bumbung, pengecatan bumbung, pembaikan kerosakan umum dan pemasangan sistem anti vandalism lif (AVAS) serta kamera litar tertutup (CCTV).

"Apabila melakukan permohonan ini, bukan bermakna kita (Kerajaan Negeri) akan lepas tangan, tetapi dengan kelulusan dana daripada Kerajaan Persekutuan, ia akan membolehkan lebih banyak projek perumahan mendapat manfaatnya.

"Di pihak Kerajaan Negeri sendiri, kita masih akan meneruskan penyelenggaraan melalui dana daripada tabung-tabung sedia ada.

"Untuk tujuan tersebut, Kerajaan Negeri sejak dari tahun 2008 hingga September 2019 telah memperuntukkan sebanyak RM232 juta bagi menyelenggara semua skim perumahan awam sejumlah RM178,858,934.57, perumahan pihak berkuasa tempatan (RM22,012,050.39) dan perumahan swasta (RM32,015,600.00) layak," ulas beliau.

# Lindungi Ulu Muda, perlu undang-undang lebih ketat

**GEORGE TOWN –** Undang-undang lebih ketat perlu diwujudkan dalam usaha melindungi hutan hujan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air yang penting bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Mengulas lanjut, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, hanya dengan undang-undang lebih jelas mampu mengekang aktiviti pembalakan yang dibimbangi mengancam kawasan tadahan air di hutan Ulu Muda.

"Komitmen yang tulus untuk selamatkan Ulu Muda mesti disokong oleh undang-undang yang lebih ketat dengan menyatakan secara jelas mengenai terma perundangan, syarat serta tempoh masa.

"Pengumuman mengenai pengharaman aktiviti pembalakan di hutan Ulu Muda oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) pada 4 September tahun lepas tidak mampu bertahan lama sekiranya tidak diikat secara perundangan," katanya dalam kenyataan di sini pada 15 November lalu.

Beliau berkata demikian sebagai respons kepada jawapan diberikan KATS di Parlimen pada 4 November lalu yang menyatakan bahawa hanya 15.3 peratus daripada hutan Ulu Muda diwartakan sebagai hutan tadahan air di bawah Akta Perhutanan Negara (APN) 1984.



IR. Jaseni Maidinsa.

Menurut Jaseni, jawapan tersebut juga bermakna 74.3 peratus atau 79,001 daripada 106,418 hektar hutan hujan di Ulu Muda masih tidak dilindungi dengan sebaik-baiknya.

Tambahnya, walaupun Kerajaan Negeri telah mewartakan 106,418 hektar hutan Ulu Muda sebagai hutan simpan kekal sejak 1932, namun pewartaan tersebut gagal menghentikan aktiviti pembalakan di kawasan terbabit.

"Harus diingat bahawa Seksyen 10(1)(a) APN 1984 membenarkan klasifikasi hutan simpan kekal sebagai hutan pengeluaran balak di bawah hasil yang mampan.

"Buktinya apabila terdapat laporan media yang mendedahkan bahawa 700 hektar hutan hujan telah digondolkan di Bukit Keramat serta kawasan berhampiran Empangan Ahning di Kedah.

"Ia jelas menunjukkan bahawa hutan yang diwartakan sebagai hutan simpan kekal di bawah APN 1984 tidak melindungi kawasan tadahan air daripada aktiviti pembalakan melainkan kawasan-kawasan ini diwartakan sebagai 'hutan tadahan air'," tegasnya.

Mengulas lanjut, Jaseni juga menegaskan bahawa sebarang ancaman terhadap Ulu Muda merupakan ancaman kepada NCER.

"160,000 hektar hutan di Ulu Muda menadah 70 peratus air mentah negeri Perlis, Kedah (96 peratus) dan Pulau Pinang (80 peratus).

"Oleh itu, sebarang pengurangan saiz Ulu Muda sudah tentu akan memberi kesan kepada jumlah air mentah ke Perlis, Kedah dan Pulau Pinang," ulasnya.

Justeru, beliau menggesa agar pampasan yang seadil-adilnya diberikan kepada Kerajaan Negeri Kedah bagi memastikan Ulu Muda dipelihara secara mampan.

"Tanpa pampasan yang adil, Kedah akan terus terdorong untuk membuka Ulu Muda bagi mendapatkan keuntungan ekonomi," katanya.

## KRT releven, semarakkan muhibah rakyat berlandaskan Rukun Negara

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**SEBERANG JAYA -** Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein pada tahun 1975 demi 'mengikat' perpaduan sesama rakyat berbilang kaum di peringkat akar umbi masih releven sehingga kini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap KRT yang beroperasi di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional Negeri Pulau Pinang dapat terus 'mengikat' semangat muhibah rakyat berlandaskan Rukun Negara.

"Bagi mengukuhkan perpaduan, saya rasa jawatankuasa-jawatankuasa (KRT) ini dapat 'mengikat' rakyat jelata di semua kawasan supaya sama-sama berpegang kepada prinsip (Rukun) Negara serta menyertai proses pembinaan negara (bangsa moden dan) pembangunan sosio ekonomi.




**KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama para pemenang pada Majlis Apresiasi Rukun Tetangga Negeri Pulau Pinang 2019 di sini baru-baru ini.**

"Saya percaya negara kita boleh bertambah kukuh, selagi ada komuniti tempatan (KRT) kuat yang mana ia menggunakan landasan di peringkat akar umbi bagi menunjukkan kepada rakyat mengenai hala tuju ditetapkan oleh pemerintah negara," jelasnya ketika merasmikan Majlis Apresiasi Rukun Tetangga Negeri Pulau Pinang 2019 di sini pada 16 November 2019.

Turut berucap, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional, Aldriana @ Mimi O.P. Andu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad; ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye antara ratusan hadirin pada acara tahunan tersebut.

Difahamkan, konsep asal KRT yang ditubuhkan kira-kira 46 tahun lalu adalah diambil daripada sistem operasi *'Neighbourhood Watch'* di United Kingdom.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa KRT pada hari ini bukan sahaja melaksanakan kerja-kerja rondaan sukarela di peringkat komuniti.

Bahkan, menurut beliau, KRT juga memainkan peranan penting sebagai ejen memupuk semangat muhibah sesama rakyat.

"Kerajaan Negeri akan menyokong segala usaha yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional Negeri Pulau Pinang bagi menguruskan isu-isu serta konflik-konflik khususnya yang berkaitan dengan kaum dan agama agar ianya dapat dikawal serta dicegah.

"Mungkin kerja-kerja yang sukar ini kita tidak selalu nampak, tetapi saya percaya pegawai-pegawai dan petugas-petugas di jabatan amat aktif di lapangan komuniti setempat untuk menangani sebarang isu yang tercetus," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Pada majlis sama, Kon Yeow turut menyampaikan Anugerah Jiran Wanita Cemerlang KRT Saujana Height, diikuti, KRT Blok L Jalan Tenggiri (Anugerah Jiran Muda Cemerlang), KRT Tanah Lot Kampung Baru Pokok Sena (Anugerah Jiran Usia Emas Cemerlang), KRT Taman Widuri (Anugerah Projek Ekonomi Rukun Tetangga), KRT Taman Intan Delima (Anugerah Projek Inovasi Khas), SRS Permatang Sintok (Anugerah Pengurusan Skim Rondaan Sukarela Cemerlang) dan KRT Kampung Melayu (Anugerah Pengurusan Rukun Tetangga Cemerlang).

Masing-masing johan membawa pulang sijil penyertaan dan wang tunai antara RM1,000 hingga RM2,000.

## Guru takmir diseru tingkat tahap profesionalisme, perluas pengisian ilmu agama

**SEBERANG JAYA –** Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mujahid Yusof Rawa menyatakan bahawa para guru takmir masjid dan surau di seluruh negara perlu meningkatkan tahap profesionalisme serta sentiasa berusaha memperluaskan pengisian tafaqquh fiddin (pendalaman ilmu agama).

Menurutnya, bagi mencapai tahap tersebut, prestasi guru-guru takmir perlu ditingkatkan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga wajar memainkan peranan dengan memperluaskan lagi program tafaqquh fiddin di seluruh negara.

"Prestasi guru takmir perlu dipertingkatkan dan saya mahu mereka sentiasa diberikan pengisian.

"Program Tafaqquh Fiddin dan Pengkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara ini dilihat bertepatan dalam menyahut seruan untuk mempertingkatkan profesionalisme dan prestasi masing-masing.

"Malah, saya juga mahu JAKIM meluaskan lagi program seperti ini ke zon-zon lain di seluruh negara," kata beliau dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman pada Program Tafaqquh Fiddin Perdana Guru Takmir Masjid Dan Surau Peringkat Zon Utara Kali Ketiga di sini 20 Oktober lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP), Zulkifli Long serta barisan guru takmir bagi zon utara.

Difahamkan, seramai 200 guru takmir masjid dan surau dari zon utara menyertai program tersebut yang berlangsung selama tiga hari mulai 20 hingga 23 Oktober lalu.

Mengulas lanjut, Mujahid memberitahu bahawa penyelaras dan guru takmir juga perlu bersama-sama untuk menerapkan tiga gagasan iaitu pertama gagasan Rahmatan Lil Alamin, Maqasid Syariah serta Model Malaysia.

"Pihak kerajaan sangat bimbang dan khuatir dengan aliran-aliran pemikiran yang tidak mengikut manhaj ahli sunnah wal jamaah sehingga menyebabkan perpecahan serta pergeseran sesama ahli masyarakat khasnya di masjid-masjid dan surau-surau di negeri ini.

"Oleh itu, saya menyeru kepada tuan-tuan untuk bersama-sama mengembalikan semula kesucian masjid serta surau dengan menghormati serta memuliakan institusi ini serta mendidik ummah dengan akhlak Rasullulah SAW dan keilmuan warisan Islam," katanya.

Justeru, tambahnya, para fuqaha murabbi perlu memainkan peranan sebagai ejen penyatuan dalam masyarakat di zon utara khasnya bagi mengelakkan ummah berpecah disebabkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya.

"Peranan para murabbi perlu untuk membentuk akhlak masyarakat, dan masyarakat perlu disatukan walau berlainan ideologi politik serta fahaman atas dasar keilmuan.

"Oleh itu, sudah menjadi tugas kita bersama untuk membetulkan keadaan dan mengimarahkan masjid, seterusnya memelihara penyatuan masyarakat agar tidak berpecah-belah," ulas beliau.

GARISAN *zig-zag* yang terdapat berhampiran lintasan pejalan kaki dekat Jalan Burma yang dijadikan sebagai projek perintis.





# Sambut baik inisiatif garisan *zig-zag*, saran tingkat pendidikan pengguna

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan serta Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) komited melaksanakan projek perintis keselamatan jalan raya bagi meningkatkan kesedaran umum dengan memperkenalkan garisan *zig-zag* berhampiran lintasan pejalan kaki di Jalan Burma berhadapan bangunan Persatuan Buddhist Malaysia dekat George Town.

Rentetan itu, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama juru gambar, **DARWINA MOHD. DAUD** cuba mendapatkan pandangan umum berhubung pelaksanaan projek perintis tersebut.

Rata-rata responden yang ditemui menyambut baik inisiatif tersebut, namun menyarankan agar mendahulukan kaedah mendidik pengguna jalan raya.

Menurut Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari, projek perintis berkaitan akan mengkaji penggunaan garisan *zig-zag* seperti di United Kingdom, Hong Kong dan Singapura yang mana ia berjaya mengurangkan kelajuan kenderaan, meningkatkan pematuhan had laju oleh pemandu serta meningkatkan kesedaran pemandu terhadap lintasan pejalan kaki.

Bagi Pegawai Kaji Selidik yang bertugas di Universiti Sains Malaysia (USM), **FARAH SYAZWANI HAYROL AZIZ**, 28, beliau bersetuju dengan langkah mendidik pemandu di negeri ini.

"Pada pendapat saya, *education* dan penerangan perlu lebih diperluaskan kepada orang ramai agar lebih berdisiplin ketika memandu di kawasan melintas.



FARAH Syazwani Hayrol Aziz.

"Garisan *zig-zag* itu sahaja adalah tidak mencukupi untuk mendidik mentaliti rakyat Malaysia kerana kalau kita boleh tengok hari ini masih ramai kurang prihatin terhadap pejalan kaki.

"Inisiatif *zig-zag* yang diwujudkan matlamatnya bagus, namun saya masih bimbang sekiranya mesej tersebut tidak sampai kepada umum khususnya pemandu dan penunggang motosikal," jelasnya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Bagi **NORAZURIN SYUHADA RUSLY**, 28, yang merupakan mahasiswa USM mengakui bahawa penambahbaikan boleh dilakukan lagi, misalnya menambah lampu berkelip sebelum lintasan jalan kaki supaya pemandu lebih peka.



NORAZURIN Syuhada Rusly.

"Pada waktu malam juga boleh lagi ditambah dengan pemantul cahaya dekat garisan tersebut supaya pemandu lebih peka dan bersedia memperlahankan kenderaan.

"Sekiranya binaan melibatkan bonggol, ia mestilah tidak menyusahkan pemandu kerana saya dapati ada setengah bonggol itu permukaannya sangat teruk dan membahayakan kepada kenderaan pula terutamanya penunggang motosikal," ujarnya.

Salah seorang kakitangan di *Malaysian Buddhist Association* (MBA), **KOAY YOU PEI**, 34 berpendapat bahawa garisan *zig-zag* yang diperkenalkan sedikit-sebanyak memberi kesan untuk pemandu memperlahankan kenderaan.



KOAY You Pei.

"Contohnya semalam, saya nak lintas jalan boleh nampaklah pengguna ada memperlahankan kenderaan.

"Namun bagi pejalan kaki, mereka tidak boleh bergantung kepada *zig-zag* dan lintasan pejalan kaki semata-mata dan mesti lebih berhati-hati dalam memastikan keselamatan.

"Sekiranya inginkan keadaan lebih selamat adalah lebih baik sekiranya diletakkan lampu isyarat sebagai tanda awal kepada para pemandu," maklumnya yang bekerja berhampiran Jalan Burma.

Difahamkan, pihak MIROS telah melaksanakan kajian selama sebulan dan hasilnya akan diketahui dalam tempoh terdekat, yang mana ia akan membantu Kerajaan Negeri daripada segi pemantauan serta pengumpulan data berkaitan.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 9639
Peminjam : MOHAMMAD ASLAM BIN MOHAMMAD - 80042607****
14 JALAN IKHLAS IE/KS8, TAMAN DATO SETIA, KAMPUNG JOHAN SETIA 41200 KLANG, SELANGOR
Penjamin 1 : MUMDASS BEHAM BT ABDUL KARIM - 50020207****
NO. 61 JALAN MAQBUL 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : FARIDAH BINTI ABDUL RAHMAN - (MENINGGAL DUNIA)
KAMPUNG TEMBAK A, 09300 KUALA KETIL, KEDAH

No Akaun : 9654
Peminjam : AINI AZLIN BINTI KHAZALI - 82012807****
KILOMETER 11 JALAN BUKIT TEMIANG, BESERI, KANGAR 02400 PERLIS
Penjamin 1 : KHAZALI BIN TAIB - 56030409****
KILOMETER 11, JALAN BUKIT TEMIANG, BESERI 02400 KANGAR, PERLIS
Penjamin 2 : RUSLAN BIN KASIRAN - 74021907****
BLOK AKG 3-1 KUARTERS KASTAM , BUKIT GELUGOR, KAMPUNG KASTAM 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 9677
Peminjam : RODZIAH BINTI ISMAIL - 82051807****
69 MEDAN KIKIK SATU, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : SITI AISHAH BINTI HASSAN - 66092407****
338 MK C, PERMATANG PASIR 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZAINAB BINTI HASSAN - 64021707****
66A LORONG MURNI 1/2A, TAMAN MURNI, GURUN 08300 KEDAH

No Akaun : 9736
Peminjam : ROSSITA BINTI KASSIM LOH - 81122107****
NO. 112 JALAN TIMUR 2/4B, TIMUR @ ENSTEK, BANDAR ENSTEK NILAI 71760 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : MOHD ZALANI BIN WAHAB - 67062107****
725 JALAN ARA KUDA, TAMAN MALWIRA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ROSNANI BINTI KASSIM LOH - 75060307****
1449 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 9742
Peminjam : GOH PENG HOW - 82112007****
3 LORONG BINJAI 11, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : GOH HOOI THENG - 79072307****
NO. 3 LORONG BINJAI 11, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : PEK GIM PO - 60022702****
NO. 5 LORONG BINJAI 11, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9743
Peminjam : OOI GIN AIK - 81112507****
85-K JALAN SUNGAI PINANG, GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN SUAN BEE - 66123007****
31 PERSIARAN PANTAI JERJAK 11, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOOI BENG CHOO - 66061207****
1-8-3 TAMAN BUKIT DUMBAR PERMAI 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 9744
Peminjam : KHOO SIEW TING - 85051607****
362-3-6 GAT LEBUH MACALLUM 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : WOON HON WEI - 77111608****
NO. 10 JALAN PANTAI JERJAK 11, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : PUAH CHIU LING - 82122707****
NO. 80 LORONG RUSA 6 , TAMAN SELAMAT 14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 9745
Peminjam : ARSHAD BIN MOHAMMED KASSIM - 77101407****
8 LORONG KIJANG 3, GEORGETOWN 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AZIZAN BIN HUSSAIN - (MENINGGAL DUNIA)
BLOK A-4-6 HOSPITAL KUARTERS, JALAN LIM KHOON HUAT 10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : AZIZ BIN INDAN - 50070107****
272E MUKIM 18, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 9776
Peminjam : SITI SABRINA BINTI ABDUL HAMID - 83080707****
2-8-13 TAMAN SRI BAYAN, PUSAT BAYAN, JALAN MERBAH 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD ARIS BIN OTHMAN - 58021907****
2-12-15 TAMAN SRI BAYAN, PUSAT BAYAN, JALAN MERBAH 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : YAHAYA BIN HASHIM - 66010207****
16 JALAN MAQBUL, SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 9804
Peminjam : NUR HIDAYAH BINTI AZEMI - 80012107****
AE-2-8 TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : WAN SHAHROM BINTI PAWANTEH - 67040807****
AQ-1-1 TAMAN TUN SARDON, JALAN HILIR PEMANCAR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : IRWAN BIN ABDULLAH - 80060107****
AE-2-8 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 9824
Peminjam : NOOR WAHIDA BINTI SAMAT - 82112207****
B1-7-2 GMIN 7/91, JALAN KEDIAMAN 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : NORISYAH BINTI SAMAT - 73031607****
21 LORONG PENAGA 5, TAMAN PENAGA 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : NORELA BINTI SAMAT - 79091107****
NO. 16 JALAN PENAGA 1, TAMAN PENAGA 13110 PENAGA, SPU

No Akaun : 9841
Peminjam : MUNIESWARAN A/L KRISHNA KUMAR - 82030807****
52-1-5 TAMAN KOPERASI , JELUTONG, JALAN KURAU 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : KRISHNA KUMAR A/L THIAGARAJAN - 51021802****
52-1-5 TAMAN KOPERASI JELUTONG, JALAN KURAU 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHANMUGAM A/L SUBBIAH - 51050407****
NO. 45-S LORONG 4, JALAN CHOR SIN KHENG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 9847
Peminjam : LOO BEE BEE - 84072807****
24 LORONG BELIBIS 32, TAMAN TANGLING JAYA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : LOO SIN KEONG - 76100307****
144 KAMPUNG KHEK KLIAN INTAN 33200 PENGKALAN HULU, PERAK
Penjamin 2 : NG YIAN TING - 81050808****
47 LORONG SERI TAMBUN 1, TAMAN SERI TAMBUN 14100 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 9855
Peminjam : PURVENDRAN A/L RAMALINGAM - 81090814****
BLOK C-1-21 VISTA PERDANA, TAMAN BAGAN JERMAL 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : RAMALINGAM A/L OR VELAISAMY - 52092407****
BLOK C-1-21 VISTA PERDANA, TAMAN BAGAN JERMAL 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NAGENDRAN A/L RAMALINGAM - 79111714****
19 LORONG VILLA MUTIARA 3, VILLA MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 9861
Peminjam : SAMUNDESWARY A/P SUPPIAH - 70120307****
2A LORONG TELOK AIR TAWAR 5, TAMAN AIR TAWAR INDAH 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : SATHIASELAN A/L SUPPIAH - 74062408****
123 JALAN 3/23, TAMAN BANGI 3 , SEC 3 TAMBAHAN,BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR
Penjamin 2 : THANAVENTHRAN A/L NADARAJAH - 62090407****
NO.57 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13600 PERAI

No Akaun : 9864
Peminjam : SITI ZARINAH BINTI ABU BAKAR - 80011207****
NO. 4 SOLOK NIPAH 2, TAMAN HAJI MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : SHAHRUL NAZRI BIN ABU BAKAR - 75031307****
NO. 1483 BAGAN DALAM 12100 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ROSLIZA BINTI MOHD SHARIFF - 80010207****
NO. 1483 BAGAN DALAM 12100 BUTTERWORTH

No Akaun : 9865
Peminjam : YEOH KEAN HAAW - 84041207****
1C-07-09 LORONG SEMARAK API 2, FARLIM, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH TEONG HUAT - 54042707****
1C-07-09 LORONG SEMARAK API 2, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHOONG SIEW HONG - 55121507****
1C-07-09 LORONG SEMARAK API 2, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 9878
Peminjam : PANG CHIEW LING - 81040307****
310-E WEST JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SOW PICK HONG - 76120107****
NO. 310-E WEST JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ONG POH IM - 70091107****
25 LORONG TASEK INDAH 3, TAMAN TASEK INDAH 14120 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 9896
Peminjam : GEE WEI LING - 83102107****
83-A BRICK KILN, GEORGETOWN 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SOO LAI FUNG - 56102907****
21-4-15 TAMAN LONE PINE 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : TEOH KHOO JOO - 56080807****
NO. 19 LORONG TANJUNG 5, TAMAN MUTIARA TANJUNG 14110 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 9897
Peminjam : SOON KIM LAI - 82051207****
21-4-15 TAMAN LONE PINE, LEBUHRAYA THIEN TEIK 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SOO LAI HENG - 50111607****
NO.17 LORONG NIPAH 4, TAMAN LIP SIN, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KHAW KEAN HIN - 65072007****
NO. 93 LORONG BLM 5/1, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 9906
Peminjam : MOHD RIZAL BIN ABD HAMID - 72070307****
NO. 12 JALAN ILMU 3, TAMAN ILMU 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : NOORAZYANY BINTI YAHAYA - 73042102****
NO. 12 JALAN ILMU 3, TAMAN ILMU 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : SHUHAIMI BIN ABD HAMID - 69071407****
NO. 6 JALAN PUTERA 1, TAMAN PUTERA, PARIT BUNTAR 34200 PERAK

No Akaun : 9912
Peminjam : NG GUEK LUAN - 82013007****
NO. 30 PERSIARAN KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : KHAW HOCK SOON - 79122507****
NO. 7 LORONG TANJUNG AMAN 12, TAMAN TANJUNG AMAN 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : LEAN SIN HOOI - 64082507****
NO. 19 LINTANG KOTA PERMAI 11, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9922
Peminjam : LIM CHONG LEONG - 84012507****
75-12-25 JALAN PENAWAR 1, SRI WANGSA 1, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOEY FOONG HAR - 78071207****
7D-8-14 , JALAN LEBUHRAYA THEAN TEIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : YEAP HOOI KUAN - 76051307****
362-12-7 GAT MACALLUM STREET 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 9931
Peminjam : LOO CHUNG PHENG - 81120707****
5582 TINGKAT BERTAM 2, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : LOO CHAN HORNG - 75100607****
NO. 3 LENGKOK BERTAM PERMATA 1, TAMAN BERTAM PERMATA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : FAM WHAI YEN - 76100313****
LOT 139 NO.42 LORONG 3, JALAN KROKOP, TAMAN HOOVER 98000 MIRI, SARAWAK

No Akaun : 9932
Peminjam : AZRUL IZWAN BIN MOHD FAUZI - 81020407****
7339-C SPRIMNG GARDEN LEREH, TANJUNG KELING 76000 MELAKA
Penjamin 1 : MOHD SALMIZAM BIN MD NOOR - 78051407****
932 JALAN PERMATANG BENDAHARI 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : NORZARINA BINTI ABU HASAN - 61022207****
7-16-12 PANGSAPURI PELANGI, LINTANG MACALLUM 2, 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 9943
Peminjam : MUHAMMAD FAIZ BIN ABDULLAH - 83090207****
A-20 TAMAN BELIMBING, JALAN TANJUNG BENDAHARA 05300 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 1 : NORIZAN BINTI ABDULLAH - 58121702****
F-20 KM 16 JALAN YAN , MUKIM TEBENGAU, KUALA KEDAH 06600, KEDAH
Penjamin 2 : RIJAL FAHMI BIN ABDULLAH - 79050209****
A-20 TAMAN BELIMBING, JALAN TANJUNG BENDAHARA 05460 ALOR SETAR, KEDAH

No Akaun : 9948
Peminjam : NG THERNG FEI - 82101707****
NO.70 PERSIARAN KIKIK SATU, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : TAN CHOO TEE - (MENINGGAL DUNIA)
222 PERMATANG TENGAH 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ANG CHOONG WAN - 54021708****
NO. 8 LORONG MERBAU INDAH 12, TAMAN MERBAU INDAH, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH

No Akaun : 9951
Peminjam : KHAIROL ASHRAF BIN ABU BAKAR - 85061907****
524 A, KAMPUNG BERAPIT, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 1 : MOHD FOAT BIN OSMAN - 67022707****
NO. 150 LORONG 1/3A , TAMAN SEMARAK, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : MOHD RIZAL BIN ABU BAKAR - 79051807****
NO. 657 C, LORONG ASTANA 11/2, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 9962
Peminjam : MUHAMAD KHIDZIR BIN IBRAHIM - 83042007****
NO.662 KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ZALINA BINTI IBRAHIM - 64082007****
PEJ. RANCANGAN PERUMAHAN MAK MANDIN, BLOK 1, MAK MANDIN 1, 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : SITI HAJAR BINTI IBRAHIM - 75020707****
NO.662 KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9965
Peminjam : DHENAGARI A/P ALAGOO PILLAI - 83120307****
NO. 2A, JALAN SRI KLEBANG D/12, BANDAR BARU SRI KLEBANG, STRAND PARK 31200 CHEMOR, PERAK
Penjamin 1 : NADARAJAN A/L PERIYASAMY - 60051207****
2-H LORONG DELIMA 20 , ISLAND GLADES 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TINAGRAM A/L KANNIAN - 56080907****
BLOK 4E-08-04 JALAN SEMARAK API 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG,

No Akaun : 9973
Peminjam : KUMUDHA A/P MUNUSAMY - 84010507****
NO. 42 LORONG SUKUN INDAH 8, TAMAN SUKUN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MUNUSAMY A/L SUBRAMANIAM - 49100107****
NO. 42 LORONG SUKUN INDAH 8, TAMAN SUKUN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MURALI A/L MUNUSAMY - 78042907****
NO. 42 LORONG SUKUN INDAH 8, TAMAN SUKUN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9975
Peminjam : TANG TZU CHI - 82041207****
1-16-5 SOLOK PAYA TERUBONG 8, G.L. GARDEN 11060 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TANG AY SHIANG - 78041907****
1-16-05 SOLOK PAYA TERUBONG 8, GL GARDEN 11060 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TANG AY YEN - 80022607****
26 PERSIARAN BUKIT KECIL 6, TAMAN SRI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 9977
Peminjam : NOOR RASHIFULIATON BT MAT RASHID - 84062707****
NO. 20 LORONG PENAGA 12, TAMAN PENAGA 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ABU BAKAR BIN YUSOP - 69121808****
NO. 77 LORONG DELIMA 2/1, TAMAN DELIMA, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 2 : ROMZI BIN AHMAD - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 5821 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SPU

No Akaun : 9978
Peminjam : MOHD FAIRUS BIN MOHD KASSIM - 84092807****
NO. 27 LORONG SUNGAI RUSA 1, TAMAN MUTIARA, SUNGAI RUSA 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ISHAK BIN HUSSAIN - 64031607****
NO.181-D JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RIDZUAN BIN MD HASHIM - 51061207****
181-D JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 9979
Peminjam : SIVAPRIYA A/P TANABALAND - 85071007****
BLOK 8-7-35 I -PARK, JALAN RAJAWALI, BAYAN LEPAS 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TANABALAND A/L SANAYASI - 55050607****
BLOK 8-7-35 I-PARK, JALAN RAJAWALI, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SUSILA TEH ARUMUGAM - 65022407****
BLOK E 4-06 LORONG HELANG 3, DESA PERMAI INDAH, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 9981
Peminjam : GALOH MUNAWWARAH BINTI OSMAN - 79062708****
L-6-6 APT. VISTA SERI PUTRA, JALAN SERI PUTRA 2/3 BANDAR SERI PUTRA 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : ISKANDAR KHAIRA BIN OSMAN - 72022708****
35 JALAN NOVA U5/77, SUBANG BESTARI, SEK. U5, 40150 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 2 : ISKANDAR ATIF BIN OSMAN - 68062608****
KAMPUNG BANGGOL WAN MAT A 09100 BALING, KEDAH




NOVUS

KELUASAN BINAAN
862 /1155 KPS

RM550,000
& KE ATAS




KONDO 36 TINGKAT
YANG MENAWARKAN GAYA HIDUP SELESA

- Terletak di Sungai Nibong, Pulau Pinang
- 3 bilik tidur dan 2 bilik mandi
- Kemudahan-kemudahan:
  - Kolam Renang Infiniti
  - Taman Landskap
  - Kolam Renang Kanak-kanak
  - Gimnasium
  - Dewan Komuniti
  - Ruang Bacaan
  - Ruang BBQ
  - Meditasi dan Yoga
  - serta kemudahan lain-lain

RUMAH CONTOH SEDIA DIKUNJUNGI DENGAN TEMU JANJI, SILA HUBUNGI:
04-641 1333 / 012-383 8031

DISKAUN 5%
UNTUK BUMIPUTERA

PEARLOCEAN
UNIQUE HOMES | EXTRAORDINARY LIFESTYLES

PRISMA BUMIRAYA SDN BHD (877026-X)
C-1-1 Bay Avenue, Lorong Bayan Indah 3, 11900 Pulau Pinang. Tel: 04-641 1333
Faks: 04-642 1333 • Emel: pearlocean.mkt@gmail.com

Jenis Perumahan: Kondominium 36 Tingkat • No. Lesen Pemaju: 14734-2/06-2020/01956(L) • Tempoh Sah: 03/06/2019 - 02/06/2020 • No. Permit Pengiklanan: 14734-2/06-2020/01956(P) • Tempoh Sah: 03/06/2019 - 02/06/2020 • No. pelan bangunan: MBPP/OSC/PB9274/17(LB) • No. pelan susunatur: MBPP/OSC/PM3054/16(LB) • Pajakan tanah: OCBC Bank (Malaysia) Berhad • Harga: RM550,000 (Min.)-RM899,000 (Mak.) • Jumlah unit: 273 unit • Tarikh dijangka siap: Jun 2020 • Hakmilik Tanah: Hakmilik Kekal


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

BERSATU DAN SETIA

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 9983
Peminjam : ZAINAL ABIDIN BIN CHE EMBI - 77111707****
TS 2473 TASEK JALAN JUNJONG 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : NORZI BINTI MUHAMAD - 73022807****
NO. 2418 LORONG 5/G, TAMAN MAHSURI FASA 3, 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 2 : MUHAMMAD FARIEZ BIN ISMAIL - 80061207****
17 LORONG SERI MENGKUANG 16, TAMAN SERI MENGKUANG 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9984
Peminjam : RHEMI FAZLI BIN MOHD AZMI - 77073107****
3-G-04 LENGKOK MAHSURI, BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ELIZA BINTI MOHD AZMI - 72082407****
118-B2-03-04 PERSIARAN BAYAN INDAH, PUTRA PLACE CONDOMINIUM 11950 BAYAN LEPAS,PULAU PINANG
Penjamin 2 : AHMAD RIZAM BIN MD NOR - 74121107****
1B-2-3A SUNRISE GARDEN, JALAN KENARI, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 9990
Peminjam : SIVANESAN PILLAI A/L THAYASEGAMANAY - 81110907****
92A JALAN TPS 2/23, TAMAN PELANGI SEMENYIH 2, 43500 SEMENYIH, SELANGOR
Penjamin 1 : SASIKUMAR A/L SATHASIVAM - 79110210****
NO. 51 JALAN KUBAH U8/52, BUKIT JELUTONG, SHAH ALAM 40150 SELANGOR
Penjamin 2 : GUGANESWARAN A/L SAMBASIVAM - 81062207****
22-8-2 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, GREENLANE 10250 PULAU PINANG

No Akaun : 9993
Peminjam : MOHD FAZLI ZAHIRWAN BIN RAMLI - 81091207****
D-3A-08 KONDOMINIUM SENTUL UTAMA, JALAN DATO SENU 26, TAMAN DATO SENU 51000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : RAMLI BIN CHE DIN - 50031407****
6 PINTAS SEMBILANG 14, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : HAMEEZAH BINTI MOHD - 69113007****
9 LORONG TELOK AIR TAWAR 5, TAMAN AIR TAWAR INDAH 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 9997
Peminjam : LEE SIM HOE - 85042407****
29 LEBUH RAMBAI 13, TAMAN LAU GEOK SWEE, PAYA TERUBONG 11060 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LEE PECK YONG - 61020407****
37 JALAN PERMAI, TAMAN BROWN 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN CHENG SAN - 57090607****
599 JALAN PINANG, TAMAN MANGGA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 10001
Peminjam : SYED HUSSINIEN HIELMIE SHAH BIN SAID AMIN SHAH - 84012707****
C-1-1 APARTMENT SRI IXORA, TAMAN SEPAKAT INDAH 2, 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : SAID AMIN SHAH BIN ABD GHAFFAR SHAH - 53081008****
NO. 2 JALAN CENDANA, TAMAN SETIA JAYA, PARIT BUNTAR 34200 PERAK
Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN HAMZAH ALBAKRI - 57090708****
NO. 85 LORONG 5 , TAMAN DESA TRONG UTAMA 34800 TRONG, PERAK

No Akaun : 10009
Peminjam : SHAFAWATI BINTI ABDUL MALIK - 86041235****
17-20-23A SERINA BAYS, HILIR SUNGAI PINANG, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL MALIK B. ARIFFIN - 58040407****
17-20-3A HILIR SUNGAI PINANG 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL NASIR BIN YAHAYA - 61072207****
NO. 26 LORONG MAWAR, RPA, KANGAR 01000 PULAU PINANG

No Akaun : 10029
Peminjam : SYAMSIAH BINTI IBRAHIM - 85041107****
NO.128-D LEMBAH RIA, PAYA TERUBONG, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHAMSUHAIMI BIN IBRAHIM - 74101107****
NO.128-D LEMBAH RIA 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHAMSURI BIN IBRAHIM - 69111107****
2B-7-20 SOLOK TENGKU, MUTIARA IDAMAN, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10031
Peminjam : WAN KOK KENG - 83092607****
NO. 4216 JALAN NEW FERRY 12100 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : CHEN CHIAN FOO - 54071509****
10 LEBUH TENGGIRI DUA, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : CHANG CHEE MEU - 53040602****
NO. 4216 NEW FERRY 12100 BUTTERWORTH

No Akaun : 10041
Peminjam : NOR HAFIY ADLY BIN NORZILAN - 86092035****
F-15-23 RIFLE RANGE FLATS, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NORZILAN BIN NORDIN - 60013008****
F15-23 RIFLE RANGE FLATS 11400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAZALI BIN NORDIN - 48121207****
107 SUNGAI BATU TKVA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG

No Akaun : 10048
Peminjam : MOHD ADRIZAN BIN ALI - 85070705****
11-2-3 FLAT TAMAN SEMARAK 2, NILAI 71800 NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : ALI BIN HAMZAH - 57071709****
562-B JALAN SULTAN AZLAN SHAH 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RUSSENANI BINTI RASID - 73042502****
NO. 53-A, BATU 18 PADANG ASAM 33700 PADANG RENGAS, PERAK

No Akaun : 10052
Peminjam : H NG HAN SENG - 84031107****
7-Q JALAN TUNGGAL, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : H NG KOK LIANG - 69070907****
11A LORONG MEKAR 2, TAMAN MEKAR 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : HONG LAY TENG - 76042807****
12 BOUNDARY ROAD 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 10063
Peminjam : AHMAD GHAZALI BIN MOHAMED MEAH - 82060707****
BLOK 50B-11-05 U-GARDEN CONDOMINIUM, PERSIARAN MINDEN 1, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMED AKHIR BIN YUSOFF - 59102107****
NO. 27 JALAN NURI 1, SETIA PULAU MUTIARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RUDZIAH BINTI ISMAIL - (MENINGGAL DUNIA)
9 JALAN ISMAIL NAGORE 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10065
Peminjam : NUR ASYIKIN BINTI MOHD TAHIR - 85090607****
NO.72 JALAN MELAKA BARU 2/3, TAMAN MELAKA BARU 75350 BATU BERENDAM, MELAKA
Penjamin 1 : MOHD TAHIR BIN MOHD AKIB - 54082980****
3 KAMPUNG WADILHANA 05150 MERGONG, KEDAH
Penjamin 2 : HASNI @ HASMAH BT CHE ISMAIL - 56011907****
A36 TAMAN SRI BELIMBING, JALAN TANJONG BENDAHARA 05300 ALOR SETAR, KEDAH

# Hospital swasta di Batu Kawan demi penuhi keperluan perubatan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**




**KETUA Menteri mendengar penerangan daripada pihak Linde Malaysia mengenai kelebihan dan cara penggunaan Conoxia pada majlis pengenalan pakej oksigen mudah alih berkenaan di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk membangunkan beberapa hospital swasta dekat Batu Kawan bagi memenuhi keperluan perubatan masyarakat di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedang berbincang dengan beberapa entiti swasta bagi membangunkan kemudahan perubatan dekat Batu Kawan.




**RUPA bentuk pakej oksigen mudah alih ringan Conoxia Linde Malaysia yang diperkenalkan.**

"Kita merancang untuk membina dua atau tiga buah hospital dekat Batu Kawan dan kita masih dalam proses rundingan yang serius.

"Hasil perbincangan dengan salah sebuah hospital dilihat agak positif manakala dua masih berada di peringkat awal rundingan.

"Selain itu, kita juga berhasrat untuk menjadikan beberapa kawasan di Batu Kawan sebagai hab perubatan. Justeru, kita perlu bina lebih daripada dua buah hospital di kawasan yang sama bagi memenuhi keperluan penduduk yang berbeza.

"Diharapkan dengan pembinaan hospital ini, ia bakal menambahkan lagi ekosistem pelancongan perubatan di negeri ini," katanya selepas merasmikan majlis pengenalan pakej oksigen mudah alih ringan Conoxia Linde Malaysia dekat *Penang Adventist Hospital* di sini pada 5 November lalu.

Hadir sama, Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Penang Adventist Hospital, Ronald Koh dan Pengarah Urusan Linde Malaysia, Anuj Sharma.

Mengulas mengenai pelancongan perubatan, Kon Yeow memberitahu bahawa Pulau Pinang menyaksikan pertumbuhan sihat dalam bidang tersebut dan berjaya muncul sebagai salah satu destinasi pelancongan perubatan utama di negara ini sejak beberapa tahun lalu.

"Pulau Pinang menyumbang kira-kira 60 peratus daripada jumlah pelancong perubatan di negara ini yang mana kira-kira 10.3 peratus pelancong asing yang datang ke Pulau Pinang adalah bagi mendapatkan rawatan perubatan.

"Ini menunjukkan bahawa Pulau Pinang terus berkembang maju dan semakin popular dalam bidang pelancongan perubatan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang ideal.

"Oleh itu, kita perlu terus berdaya saing dengan menyediakan kemudahan terbaik seperti peralatan dan tenaga kerja profesional supaya Pulau Pinang kekal ideal dalam sektor pelancongan perubatan di negara ini," tambahnya.

Dalam pada itu, Anuj menyatakan bahawa *Penang Adventist Hospital* merupakan pusat perubatan pertama di wilayah utara dilengkapi dengan oksigen perubatan mudah alih Conoxia.

"Conoxia adalah penyelesaian gas perubatan yang dipakej dalam silinder oksigen mudah alih ringan dengan injap bersepadu Linde terpadu (LIV) yang terkini.

"LIV adalah sejenis pengawal atur bersepadu yang mengawal aliran oksigen dan membolehkan penjaga memberikan Conoxia kepada pesakit dengan mudah dan selamat.

"Dengan berat kurang daripada enam kilogram, Conoxia merupakan silinder oksigen perubatan paling ringan yang boleh didapati di negara ini," katanya.

# Kerajaan Negeri sedia 'ejen pemangkin' IR4.0 sektor perkilangan



**SALAH satu teknologi yang dipamerkan.**




**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada salah seorang penerima bersempena penganjuran Simposium Realisasikan Hubungan Revolusi Perindustrian 4.0 dan Sektor Industri di sini baru-baru ini.**

**BUKIT TENGAH -** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan senantiasa mengambil bahagian dalam memperbaiki infrastruktur pelaburan, menyediakan rantaian bekalan mencukupi serta memastikan polisi yang dibuat mesra pelabur, demi menyokong perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) yang kian berkembang di negeri ini.

Ketika menyampaikan ucaptama, beliau berharap persidangan serta gerai pameran yang diadakan sempena Simposium Realisasikan Hubungan Revolusi Perindustrian 4.0 dan Sektor Industri dapat memberi manfaat maksimum kepada hampir 100 perwakilan yang hadir di kilang ECA Bukit Minyak di sini pada 29 Oktober 2019.

"Revolusi Industri 4.0 yang berlaku begitu cepat ini yang cuba Kerajaan Negeri tolak ke depan lagi bukan sahaja dalam sektor perindustrian negeri, malah bagi pihak Kerajaan Negeri juga meningkatkan kualiti infrastruktur sedia ada, kualiti perkhidmatan awam di kedua-dua bandar raya (Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP dan Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP) berdasarkan Visi Penang2030.

"Kita akan cuba melonjak lagi potensi Pulau Pinang ke tahap yang lebih baik, ke arah menjadi bandar raya dan negeri pintar," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat pada majlis berkaitan.

Turut berucap, Pengarah bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Wilayah Utara, Clement Wong dan Pengarah ECA Advanced Solutions Sdn. Bhd. (ECA).

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Pulau Pinang, Yusni Md. Yusop.

Menurut Ahmad Zakiyuddin, Malaysia termasuk Pulau Pinang seharusnya menjadi ejen pemangkin terhadap usaha mengubah operasi sedia ada di sektor perindustrian, dengan memanfaatkan perkembangan IR 4.0 demi mengekalkan daya tahan sektor pembuatan pada masa hadapan.

"Sesungguhnya IR 4.0 memang ada potensi untuk mengubah pembuatan dalam pelbagai cara iaitu meningkatkan produktiviti, kecekapan selain (mengurangkan) kos (operasi sebenar); melebarkan keupayaan organisasi, pengurusan dan pengeluaran; membolehkan kualiti serta pemantauan yang lebih baik.

"Oleh itu, dengan adanya acara pameran yang dianjurkan oleh MIDA, ECA, *Elliance* dan *Omron* pada penganjuran ini, adalah diharapkan ia menjadi usaha berterusan kepada pihak berkaitan untuk mempromosi dan membantu sektor perkilangan merangkul IR4.0 serta memperkuat keupayaan industri dalam inovasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Malaysia terutamanya di Pulau Pinang," ujarnya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

Dalam perkembangan sama, beliau memberitahu bahawa daya tahan sektor pembuatan negara dijangka terus merangsang sektor pekerjaan, menarik pelaburan serta mewujudkan perniagaan dalam aktiviti hiliran dan sektor perkhidmatan berkaitan.

Tambah Ahmad Zakiyuddin, daya tahan sektor perkilangan juga dijangka kekal berdaya saing, berada di landasan yang betul ke arah mencapai kadar pertumbuhan kasar 5.1 peratus sebagaimana disasarkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

# Kerajaan Negeri terus komited perkasa inisiatif hijau

**GEORGE TOWN** - *Penang Green Event Incentive* (PGEI) yang diperkenalkan pada awal tahun ini diharap menjadi galakan kepada penganjur acara untuk mempraktikkan langkah-langkah mampan serta pemerkasaan agenda hijau.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pemberian insentif berkenaan diperkenalkan sebagai mengiktiraf penganjur acara, sektor swasta, badan-badan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) atas usaha tambahan dalam mengurangkan impak alam sekitar.

Jelasnya, pemberian insentif berkenaan akan memfokuskan kepada pengurangan sisa (sisa pepejal dan sisa makanan) dan pemuliharaan air serta tenaga (dari bermula hingga tamat acara).

"Kerajaan Negeri berharap ia dapat menggalakkan semua pihak mengamalkan langkah-langkah mampan, mengurangkan sisa, jejak karbon dan jumlah tenaga yang digunakan semasa penganjuran sesuatu acara.

"Ucapan terima kasih perlu diberikan kepada *Penang Green Council* (PGC) di atas ketekunan dan usaha mereka membantu Kerajaan Negeri memperkasakan inisiatif agenda hijau sejak tahun 2011, juga kepada penaja serta pihak berkenaan yang sentiasa menyokong dalam menjadikan Pulau Pinang tempat terbaik untuk dihuni," ujar beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Hijau Pulau Pinang 2019 di sini 21 November lalu.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon; Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa dan Pengurus Besar PGC, Josephine Tan.




**KETUA Menteri bergambar bersama-sama sebahagian wakil media yang menjuarai kepelbagaian kategori pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Hijau Pulau Pinang 2019 di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa dalam melaksanakan agenda hijau, Pulau Pinang telah memasuki tahun ke-10 sejak inisiatif pertamanya berhubung kempen 'Tiada Beg Plastik Percuma' pada tahun 2019.

"Kerajaan Negeri perlu dan akan terus memberikan galakan kepada semua pihak bagi memperkasakan inisiatif hijau sehingga ia berjaya dilaksanakan dan seterusnya membawa Pulau Pinang ke arah sebuah negeri hijau berserta pembangunan mampan,'' jelasnya.

Serentak itu, majlis penyampaian anugerah turut disampaikan mengikut kategori iaitu pejabat hijau, sekolah dan prasekolah hijau, kewartawanan hijau serta persekitaran mampan.

Kategori Sekolah Hijau bagi sekolah rendah diungguli Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh yang berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM5,000 berserta sijil penghargaan. Manakala, Kategori Sekolah Menengah dinobatkan kepada Sekolah Menengah Convent Pulau Tikus yang turut menerima hadiah berbentuk sama.

# Bandaraya Rendah Karbon, komitmen MBSP

**BUKIT TENGAH** - Kad laporan pencapaian semasa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam memburu pengiktirafan Seberang Perai sebagai Bandar Raya Pintar dan Rendah Karbon pada tahun 2022, akan dibentangkan pada bulan Januari 2020.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penjanaan Sistem Tenaga Solar Anugerah Sekolah Hijau di Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh (SKKS) dekat sini 13 November lalu.

Menurut beliau, SKKS dipilih untuk pelaksanaan projek perintis penjanaan sistem tenaga diperbaharui (RE) tersebut kerana institusi pendidikan itu memenangi Anugerah Sekolah Hijau 2018 Peringkat Bahagian Seberang Perai.



**SR. Rozali Mohamud (kanan sekali) menyempurnakan gimik Majlis Penjanaan Sistem Tenaga Solar Anugerah Sekolah Hijau di sini baru-baru ini.**

"MBSP senantiasa komited dalam menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon pada tahun 2022 dan Bandaraya Bebas Karbon pada 2030.

"Pada Januari 2020, saya akan buka kad laporan yang menunjukkan apa pencapaian (MBSP ke arah menjadikan Seberang Perai) sebagai Bandar Rendah Karbon," jelasnya pada majlis berkaitan.

Turut serta, Pegawai Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Syed Jaafar Syed Abdul Aziz dan Guru Besar SKKS, Safuan Shuib.

Rozali pada 16 September 2019 lepas melancarkan sebahagian kandungan dokumen Hala Tuju Strategik Ke Arah Bandar Raya Seberang Perai Yang Mampan dan Lestari, sempena pemasyhuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menjadi 'bandar raya'.

Berdasarkan dokumen tersebut, Rozali antara lain mengumumkan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi pelaksanaan Perjanjian Perbekalan Tenaga Diperbaharui (SARE) ke arah mengurangkan karbon melalui penggunaan tenaga solar.

Selain Menara Bandaraya MBSP, Rozali menyatakan bahawa terdapat senarai 31 bangunan milik pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan telah diserahkan kepada TNB untuk proses penilaian, sama ada boleh dipasang pelan tenaga solar atau sebaliknya.

Tidak cukup dengan itu, tambah Rozali, pemaju yang merekabina bangunan atau unit kediaman dengan elemen 15 peratus RE akan menikmati kelulusan segera *(fast track)* daripada MBSP.

"*(Fast track)* ini lebih daripada insentif wang...dengan penjimatan masa berhubung proses mendapatkan kelulusan membina bangunan, sebenarnya lebih banyak kos boleh dijimatkan oleh mereka (berbanding) kalau MBSP memberi insentif dalam bentuk wang.

"Di peringkat sekolah, kita pakai *'net (energy) metering* (NEM)...mereka akan pakai sendiri (RE), kalau lebihan (tenaga) barulah dijual kepada TNB," ulasnya.

Difahamkan, kos pemasangan sistem penjanaan tenaga solar di SKKS menelan belanja kira-kira RM21,000 melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dua syarikat swasta iaitu Jinko Solar dan Pekat Solar.



# Isu keganasan wanita dan kanak-kanak, komitmen bersama tanganinya

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



DIF-dif jemputan, jawatankuasa penganjur dan para peserta pada Majlis Penutup PGO di sini baru-baru ini.

**BAGAN DALAM -** Sebanyak 80 peratus daripada 8,500 kes rogol yang dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh 2010 hingga 2018 di tanah air ini adalah melibatkan mangsa kanak-kanak perempuan di bawah usia 18 tahun, dengan 50 peratus daripada rekod kes sama melibatkan mangsa antara usia 13 hingga 15 tahun.

Mengulas lanjut, Exco Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh mendedahkan bahawa 73 peratus daripada keseluruhan 2,376 kes keganasan rumah tangga yang direkodkan di Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2010 hingga 2018 berlaku di bahagian Seberang Perai.

Justeru, beliau mengulangi komitmen Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang untuk saling bekerjasama dengan semua pihak bagi menghentikan isu keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.

Boon Poh berkata demikian ketika menggantikan Ketua Menteri merasmikan Majlis Penutup Sambutan Penang Goes Orange (PGO) di padang awam Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Bagan dekat sini pada 17 November 2019.

"Bagi kes cabul pula, antara tahun 2010 hingga 2018, lebih daripada 7,000 kes telah dilaporkan yang mana 40 peratus daripada mangsa adalah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

"Keganasan sebegini bukan sahaja memudaratkan individu atau mangsa yang terlibat, malah, memberi kesan mendalam ke atas keluarga serta masyarakat.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin menegaskan bahawa semua komitmen kami adalah kepada rakyat Pulau Pinang untuk menangani masalah ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu di depan ribuan hadirin di sini.

Turut berucap, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani, mewakili Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng.

ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Seri Delima, Syerleena Abd. Rashid; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ir. Rosnani Mahmod dan Presiden Women's Centre for Change (WCC) Pulau Pinang, Susan Siew Pui Fun turut sertai acara majlis perasmian penutup tersebut.

Difahamkan, Kerajaan Negeri sejak tahun 2014 menganjurkan kempen PGO, sempena 16 kempen di peringkat antarabangsa ke arah usaha menghentikan keganasan berasaskan gender, dengan menjadikan oren atau jingga sebagai warna tema kempen pada peringkat global.

Dalam pada itu, Kasthuriraani memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 menyediakan peruntukan tahunan khusus kira-kira RM170,000 untuk membiayai Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW).

"Sehingga kini, PPW telah berjaya membantu kira-kira 5,600 wanita dan kanak-kanak dari seluruh Seberang Perai.

"Semua perkhidmatan ini dinikmati secara percuma, tanpa bayaran," ujarnya sambil mengulangi iltizam bahawa semua pihak perlu lebih agresif dalam menjayakan Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita di negeri ini.

Sebelum itu, seawal kira-kira jam 7 pagi, Dataran Pemuda Merdeka di sini mulai dibanjiri hadirin, rata-rata wanita serta golongan kanak-kanak bagi menyertai acara senamrobik dan zumba.

Seusia acara itu, ADUN Bagan Dalam, M. Satees dan ADUN Pulau Tikus, Lee Chun Kit dengan diiringi Bee Leng menyempurnakan acara pelepasan peserta jalan kaki ria sejauh 2.6 kilometer (km).

Nyanyian lagu *'Standing in the eyes of the World'* oleh penyanyi cilik, Adik Nur Dini; aksi gendang tradisional *Penang Dhol Blasters*; tarian interaktif *Baby Shark*; pertandingan mewarna kanak-kanak; cabutan bertuah dan kendara saji merupakan antara acara menarik sepagian penganjuran berkaitan.

## Hormati hak kanak-kanak dapat pendidikan sempurna, seru Exco

**PADANG LALANG –** Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng mengingatkan masyarakat khususnya ibu bapa supaya menghormati hak kanak-kanak sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, perkara paling penting yang harus diberikan keutamaan oleh ibu bapa adalah hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna.


CHONG Eng.

"Kanak-kanak ada hak untuk ke sekolah dan belajar kerana pada masa akan datang walaupun untuk menjadi pekerja am di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) contohnya, juga memerlukan kelulusan.

"Pendidikan adalah amat penting untuk kanak-kanak khususnya kepada mereka yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah, iaitu dalam usaha mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik," jelas beliau semasa merasmikan program Hari Kanak-Kanak dekat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan di sini 2 November lalu.

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Desa Wawasan, Mohd. Sanusi Ahmad serta beberapa pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MKPP) dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Lalang.

Pada program tersebut, kira-kira 100 kanak-kanak yang hadir dihiburkan dengan nyanyian dan persembahan silap mata oleh badut yang didatangkan khas oleh pihak penganjur.



# PISF peluang terokai keajaiban, cetus minat STEM



CIPTAAN robot yang menarik perhatian.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NURAFIQAH ZAINUDI**

**PANTAI JEREJAK –** Penganjuran Pameran Sains Antarabangsa Pulau Pinang (PISF) sejak tahun 2011 dilihat sebagai platform penting dalam mencetus minat para pelajar terhadap subjek berteraskan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik).

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, selain memberi pendedahan secara *hands-on*, para pelajar turut berpeluang menerokai keseronokan serta keajaiban dunia sains melalui pembelajaran interaktif.

"Sejumlah 25,000 slot aktiviti interaktif disediakan bukan sahaja kepada para pelajar yang menyertai dan menghadiri PISF, malah juga kepada para pengunjung pelbagai peringkat usia.

"Tahun ini, 10 sekolah menengah dan sekolah rendah (6) mengambil bahagian dengan mengadakan reruai untuk menunjukkan hasil ciptaan masing-masing," ujarnya ketika merasmikan pembukaan edisi ke-lapan PISF 2019 anjuran Penang Science Cluster Berhad di Arena SPICE dekat sini 2 November lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II merangkap Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Ketua Pegawai Eksekutif Penang Science Cluster Berhad, Ooi Peng Ee serta wakil dari Penang STEM 4.0 seperti *Tech Dome Penang*, Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), *Penang Math Platform*, Perpustakaan Digital Pulau Pinang dan @CAT Pulau Pinang antara yang turut hadir pada majlis berkaitan di sini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa PISF merupakan salah satu platform pembelajaran dalam melahirkan bakat berkemahiran tinggi yang menepati standard antarabangsa.

"Pulau Pinang memerlukan bakat berkebolehan dan berkemahiran tinggi masa hadapan bagi menyambung pembangunan negeri pada masa akan datang, dan ia adalah agak mencabar apabila kita (Kerajaan Negeri) perlu memastikan kesediaan bakat-bakat ini terutama dalam menempuh cabaran digitalisasi.

"Bertepatan dengan tema *'A Celebration of Makers'* (Meraikan Pereka Cipta), *Penang MakerFest* turut ditampilkan dalam penganjuran PISF kali ini dengan pelbagai pertandingan berkaitan robotik, aplikasi telefon bimbit dan pengekodan perisian.

"Ini termasuk penganjuran *Coolest Project Competition* yang pertama kali diadakan di Asia, penuh dengan aktiviti pemprograman, reka bentuk robotik, permainan web dan perkakasan robotik.

"Saya percaya melalui penganjuran pertandingan seumpama ini, ia akan memupuk bakat dalam kalangan generasi muda masa kini," katanya sambil menzahirkan penghargaan kepada pemain industri yang turut sama-sama menjayakan penganjuran PISF 2019.



SEBAHAGIAN pelajar di salah sebuah reruai pameran.

Difahamkan, selain *B Braun, Intel, Keysight Technologies; Motorola; Agilent; Hewlett Packard; National Instruments, DreamCatcher, Exabytes; Mini-Circuits; Vitrox; Bosch; AMD; First Solar; QDOS; Smart Modular* dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), syarikat seperti *Boston Scientific, Infineon* serta *Plexus* turut mengambil bahagian dalam penganjuran PISF 2019.


KETUA Menteri mendengar penjelasan sambil memerhatikan gelagat pengunjung kecil yang bertandang ke penganjuran PISF 2019.



CIPTAAN aktiviti secara *'hands-on'* yang diadakan.

# Dalami STEM agar tidak terlepas peluang pasaran kerja

Gambar : **PEKA Pulau Pinang**

**BATU UBAN –** Seramai 400 pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini menyertai Bengkel Skor A SPM anjuran Penggerak Komuniti Muda (PEKA) Pulau Pinang di Universiti Sains Malaysia (USM) dekat sini pada 2 November lalu.

Menurut Pengarah Eksekutif PEKA, Joshua Woo Sze Zeng, bengkel tersebut dikendalikan oleh guru-guru berpengalaman dalam subjek Matematik dan Bahasa Inggeris.

"Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi membantu pelajar menghadapi peperiksaan terutama dalam subjek Matematik dan Bahasa Inggeris.

"Semua peserta didedahkan mengenai kaedah dan teknik menjawab soalan yang baik," ujarnya melalui siaran akhbar bertarikh 4 November 2019 di sini.

Pada kesempatan itu juga, PEKA turut berkongsi mengenai pasaran kerjaya masa kini serta cabarannya.

"Berdasarkan trend semasa, terdapat penurunan pelajar setiap tahun yang mengambil subjek berteraskan STEM (Sains, Teknologi , Bahasa Inggeris dan Matematik).

"Walhal, empat daripada lima pekerjaan yang ditawarkan adalah berteraskan STEM, dan ini menjadi faktor kewujudan pengangguran dalam kalangan anak muda, kira-kira 12 peratus.

"Oleh itu, para pelajar dinasihati untuk mengadaptasikan trend semasa untuk berjaya dalam kehidupan dan cuba mendalami STEM agar tidak terlepas daripada peluang-peluang pekerjaan yang berada di pasaran," serunya.



**JOSHUA Woo Sze Zeng (barisan depan, berkemeja putih) merakam gambar kenangan bersama-sama para jemputan, ahli jawatankuasa dan barisan pelajar yang mengambil bahagian dalam Bengkel Skor A SPM anjuran PEKA Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, peserta bengkel adalah terdiri daripada pelajar yang mengikuti Tuisyen Rakyat PEKA serta membabitkan pelajar-pelajar daripada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) terpilih.

## Pelaksanaan kutipan cukai bagi petak atau blok sementara di negeri Pulau Pinang

**CUKAI** bagi petak atau blok sementara di Negeri Pulau Pinang telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 melalui pemberitahuan Warta P.U (B) 714 bertarikh 21 Disember 2018. Selain negeri Pulau Pinang, negeri Selangor dan Melaka telah melaksanakan kaedah yang sama dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bakal melaksanakannya pada tahun hadapan.

Cukai petak ini menggantikan cukai tanah yang sedia ada bagi bangunan strata yang memiliki hakmilik strata di negeri Pulau Pinang. Setiap pemilik petak akan menerima bil cukai petak masing-masing dan mereka bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran tersebut. Pemilik petak tidak perlu membayar caruman cukai tanah kepada Perbadanan Pengurusan (MC) tetapi caj penyelenggaraan *(maintenance fees)* masih perlu dibayar kepada MC.

Bagi mana-mana bangunan berstrata yang belum memiliki hakmilik strata, cukai tanah akan dikenakan seperti biasa kepada MC sehingga hakmilik strata didaftarkan. Mereka tidak perlu membuat bayaran cukai petak tetapi hanya perlu membayar caruman cukai tanah kepada MC dan MC bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran cukai tanah tersebut kepada Pejabat Daerah dan Tanah.

Bagi tahun ini, bil cukai petak akan diedarkan secara berperingkat mulai bulan November 2019 melalui MC. Sebanyak 224,303 bilangan petak melibatkan 1,796 skim dijangka akan menerima bil cukai petak pada tahun ini. Bil cukai petak bagi tahun 2020 akan diedarkan bermula Januari 2020 melalui MC kepada setiap pemilik petak.

**Walaubagaimanapun, pemilik petak masih boleh membuat bayaran cukai petak di mana-mana Pejabat Daerah dan Tanah sekiranya bil cukai petak masih belum diterima.**

Pembayaran boleh dilakukan melalui dua (2) kaedah:

- kaunter Pejabat Daerah dan Tanah di Pulau Pinang
- secara atas talian di portal *http://ebayar.penang.gov.my* mulai **1 Januari 2020**

Bagi pembayaran cukai petak tahun 2019, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan supaya pemilik petak boleh membuat bayaran cukai petak sehingga atau pada **31 MEI 2020 tanpa dikenakan caj denda lewat**.

Pemilik petak boleh membuat pengemaskinian seperti nama, alamat surat-menyurat dan maklumat lain yang berkaitan melalui:

- Borang NA(2) – Borang boleh diperoleh di:
- Kaunter Hasil Pejabat Daerah dan Tanah
- Kaunter Hasil Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang
- Sistem PTGBil (atas talian)- etanah.penang.gov.my

Jumlah cukai petak yang dikenakan bagi setiap petak adalah berbeza dari pembayaran caruman cukai tanah kepada MC/JMB sebelum ini. Ini adalah kerana cukai petak bagi setiap petak bergantung kepada keluasan petak dan petak aksesori masing-masing. Kemudahan masyarakat bersama *(Common Property)* dalam pembangunan berstrata seperti kolam renang, taman permainan, gimnasium dan sebagainya tidak dikenakan cukai petak.

Faedah pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara adalah:

- memudahkan pembayaran cukai secara per unit
- tidak perlu membayar cukai tanah kepada Perbadanan Pengurusan lagi
- dapat mengurangkan masalah yang timbul semasa transaksi urusniaga dan bukan urusniaga petak seperti pindah milik
- memudahkan urusan pusaka dilaksanakan

Pelaksanaan cukai petak atau blok sementara membolehkan pemilik petak strata untuk membuat pembayaran cukai petak masing-masing terus ke Pejabat Daerah dan Tanah dan mendapatkan resit pembayarannya dengan mudah. Resit pembayaran cukai petak merupakan salah satu syarat untuk menjalankan transaksi urusniaga seperti pindahmilik bagi petak berstrata berkenaan.

Kerajaan Negeri berharap hebahan ini dapat memaklumkan semua pemilik hakmilik strata mengenai pelaksanaan kutipan cukai petak dan seterusnya dapat memberi kesedaran kepada semua pemilik petak untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pemilik petak boleh menghubungi:

(i) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
Tel - 04-577 6618
Email - http://spu.penang.gov.my

(ii) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
Tel - 04-548 8915
Email - http://spt.penang.gov.my

(iii) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
Tel - 04-585 7851
Email - http://sps.penang.gov.my

(iv) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
Tel - 04-650 5290
Email - http://dtl.penang.gov.my

(v) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
Tel - 04-04-868 9455
Email - http://dbd.penang.gov.my

(vi) Bahagian Hasil Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang
Tel - 04-650 5805
Email - http://ptg.penang.gov.my



# Penduduk Jalan Perak bakal terima kemudahan pasar awam baru



**MESYUARAT Majlis Biasa MBPP yang diadakan di sini baru-baru ini.**

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Penduduk di sekitar Jalan Perak dan kawasan berdekatan bakal menerima kemudahan kompleks pasar awam baru menjelang tahun 2022.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Gooi Seong Kin berkata, jawatankuasa tersebut bersetuju untuk memajak tanah konsesi di Lot 969 dekat Jalan Perak selama 99 tahun kepada Ideal Home Properties Dev Sdn. Bhd., dan sebagai balasan, pihak pemaju perlu membina kompleks pasar awam baru.

"Kompleks pasar awam baru akan dibina di atas Lot 169, 171, 272, 273, 544, 1897, 2159, 2160 dan 2707, " katanya pada sidang media sejurus Mesyuarat Majlis Biasa MBPP dekat Dewan Bandaraya di sini pada 24 Oktober lalu.

Dalam pada itu, pegawai Bahagian Perancangan Bandar MBPP, Zulfiqar Badri memberitahu bahawa kompleks pasar awam tiga tingkat tersebut akan dibina di belakang pasar awam sedia ada dekat Jalan Perak.

"Kompleks pasar awam baru ini akan dilengkapi dengan kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU), tempat letak kereta, kawasan menurunkan dan mengambil penumpang, plaza rakyat serta lif dan banyak lagi.

"Kami mencadangkan agar pasar awam dekat Jalan Perak yang sedia ada tidak dirobohkan semasa pembinaan kompleks pasar baru.

"Pada masa ini, masih terdapat tapak penjaja sementara (TPS) di kawasan itu.

"Justeru, tapak itu perlu dibersihkan menjelang tempoh akhir projek untuk memberi laluan kepada pembinaan eskalator dan tangga pasar awam," jelasnya sambil menambah bahawa penjaja TPS yang berdaftar dengan MBPP dan peniaga di Jalan Perak yang terjejas akan dipindahkan ke pasar awam baru selepas siap kelak.

# Waktu operasi PSP bakal diselaraskan

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersetuju terhadap cadangan untuk menyelaraskan waktu bagi operasi sistem *Penang Smart Parking* (PSP) di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan MBPP, Gooi Seong Kin memberitahu bahawa jawatankuasa tersebut dalam satu mesyuarat pada 10 Oktober lalu telah bersetuju mengenai cadangan itu.

"Waktu operasi PSP adalah dari pukul 8 pagi hingga 6 petang (kecuali hari Ahad dan cuti umum).

"Kupon tempat letak MBPP yang sedia ada akan dijual sehingga 31 Disember 2019 dan sah sehingga 31 Disember tahun depan (2020)," katanya dalam ucapan semasa Mesyuarat Majlis Biasa dekat Dewan Bandaraya di sini 24 Oktober lalu.

Dalam perkembangan berkaitan, Siong Kin memberitahu bahawa ejen bagi pengedaran e-kupon PSP harus mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

"Antaranya, ejen itu mesti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) selain penjualan kupon adalah melalui Aplikasi e-Kupon dengan kadar minimum selama dua jam bagi kupon jam," jelasnya.

Difahamkan, pada masa ini, terdapat enam ejen e-kupon iaitu *MBPP, 7-Eleven, Happy Mart, Jefferson, Yang Agency* dan *PH Ocean*.

Sistem PSP di Pulau Pinang akan diuruskan oleh HeiTech Padu Berhad.

Terdahulu, media melaporkan bahawa pengguna PSP yang tidak memiliki telefon pintar atau pengguna telefon pintar tanpa internet masih boleh membayar menggunakan kupon.



**AR. Yew Tung Seang (kanan) dan Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali.**

## Ahli Majlis cadang kaji semula garis panduan berkaitan tindakan penguatkuasaan MBPP

**GEORGE TOWN –** Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Azahari Aris mencadangkan supaya dasar dan garis panduan berkaitan tindakan penguatkuasaan dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan disemak semula.

Beliau berkata, semakan tersebut perlu bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan berjalan dengan sempurna selain bersesuaian dengan perkembangan semasa.

"Lima hingga 10 tahun lalu, kita jarang lihat masyarakat memperlekehkan tindakan penguatkuasaan oleh pihak Majlis, tetapi keadaan ini telah berubah dalam sekelip mata selepas ledakan teknologi maklumat (IT) melanda dunia.

"Ada dalam kalangan masyarakat hari ini menggunakan internet atau aplikasi media sosial lain sebagai 'lesen' untuk menyatakan pandangan mereka dengan cara yang keterlaluan.

"Oleh itu, pelbagai catatan berbaur kebencian dan kecaman membabitkan perkauman serta agama digarap daripada tindakan penguatkuasaan yang diambil untuk dijadikan modal bagi memperlekehkan pihak MBPP tanpa rasa takut kerana mereka bersembunyi di dunia maya," katanya semasa membacakan ucapan penangguhan dalam Mesyuarat Majlis Biasa MBPP di sini 24 Oktober lalu.

Tambah Azahari, sikap sopan dan toleransi yang cuba ditampilkan anggota penguatkuasa MBPP kadang-kala dianggap sebagai satu kelemahan.

"Justeru, sudah tiba masanya untuk pihak Majlis mengkaji semula dasar dan garis panduan berkaitan dengan tindakan penguatkuasaan dijalankan oleh pihak Majlis agar dapat diperkemaskan lagi sesuai dengan keadaan semasa.

"Tindakan tegas harus diambil terhadap mereka yang melanggar dasar serta garis panduan supaya dapat menjadi pengajaran kepada orang lain," tegasnya.

Dalam pada itu, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang menyatakan bahawa beliau juga bersetuju dengan cadangan dilontarkan oleh Azahari bahawa pihak Majlis harus lebih responsif terhadap media sosial.

"Kita perlu menjawab (tuduhan dalam media sosial) dengan fakta, dan pihak kami mengambil perhatian terhadap perkara ini.

"(Tuduhan dalam media sosial) biasanya tular dengan pantas, oleh itu, kita juga harus bertindak lebih pantas," serunya.

# MBSP perbaharui ikrar tingkat integriti perkhidmatan

**SEBERANG JAYA –** Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memperbaharui lafaz ikrar bagi meningkatkan integriti dalam penyampaian perkhidmatannya.

Bacaan lafaz ikrar diketuai oleh Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod bersempena Majlis Sambutan Hari Integriti Peringkat MBSP dekat Auditorium Menara Bandaraya di sini 11 November lalu.



SR. Rozali Mohamud (dua dari kiri) berjabat tangan dengan anggota-anggota penguat kuasa MBSP pada Majlis Sambutan Hari Integriti Peringkat MBSP di sini baru-baru ini.

Datuk Bandarnya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, integriti dapat ditingkatkan apabila semua perkhidmatan yang disampaikan MBSP memenuhi tiga kriteria utama iaitu jelas, pantas dan mudah.

Katanya, gejala rasuah tidak akan berlaku sekiranya semua perkhidmatan yang disampaikan MBSP memenuhi ketiga-tiga kriteria berkenaan.

"Di MBSP, kita laksanakan Persijilan ISO bagi tujuh perkhidmatan teras demi meningkatkan kecekapan dan ketelusan perkhidmatan kepada penduduk Seberang Perai.

"Kita juga mengambil peluang menerokai Revolusi Industri 4.0 dalam projek bandar pintar dengan melancarkan Kaunter Siber yang menawarkan 10 daripada 132 perkhidmatan ditawarkan MBSP melalui satu platform.

"Selain itu, MBSP juga telah menjenamakan semula Pasukan Polis Bantuan dengan tawaran kenaikan pangkat yang mana kita merupakan agensi kedua di negeri ini memberikan pemakaian pangkat kepada anggota penguatkuasaan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucaptama pada majlis berkenaan.

Turut serta, ahli-ahli majlis bagi MBSP; ketua-ketua jabatan dan penolong pengarah; pegawai-pegawai kanan; Pengerusi ANULE Seberang Perai, Mohd. Tahir Othman; Naib Yang di-Pertua PESUKA, Mat Nasir Hassan; Yang di-Pertua PESUKA, Mohamad Nizam Md. Shariff dan Pengerusi KOSPEMA, Latifa Razali.

Mengulas lanjut, Rozali menyatakan bahawa pihaknya juga menjalankan program Transformasi Minda bagi memberikan pendedahan mengenai dasar-dasar kerajaan serta kaedah penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

"Terbaru, kita (MBSP) memperkenalkan pemakaian lencana integriti kepada anggota penguatkuasaan sebagai usaha meningkatkan ketelusan dalam perkhidmatan.

"Pada tahun depan, kita (MBSP) juga akan wujudkan Pelan Integriti Majlis Seberang Perai melalui penubuhan Unit Integriti (MBSP) untuk menerangkan usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap integriti," ujarnya.

# Anugerah Sekolah Hijau bentuk generasi baharu hargai alam sekitar




DUA juara kategori berlainan menunjukkan hadiah-hadiah yang diterima bersempena penganjuran Anugerah Sekolah Hijau 2019 di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA –** Anugerah Sekolah Hijau 2019 Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ke-10 dilihat selari dengan matlamat organisasi tersebut yang sedang menuju ke arah bandar raya rendah karbon.

Menurut Setiausaha Bandarayanya, Ir. Rosnani Mahmod berkata, hala tuju MBSP kini jelas iaitu mengurangkan penghasilan karbon di Seberang Perai sebanyak 50 peratus pada tahun 2022.

"Menjelang 2022, MBSP meletakkan hala tuju mengurangkan penghasilan karbon sebanyak 50 peratus atau lapan tan per kapita kepada empat tan perkapita.

"Manakala, bagi tahun 2050, kita sasarkan untuk menjadi sebuah bandar raya *carbon neutral city* ataupun sifar karbon.

"Jadi, melalui Anugerah Sekolah Hijau ini, kita mampu membentuk satu generasi baharu yang dilatih untuk menghargai alam sekitar selaras dengan *Local Action 21* dalam melahirkan generasi yang sihat khusus merealisasikan hala tuju MBSP," ucapnya pada Majlis Anugerah Sekolah Hijau 2019 di sini 14 November lalu.

Selain itu, MBSP turut komited untuk menangani perubahan cuaca yang menjadi permasalahan seluruh dunia hari ini.

"Kita (MBSP) sasarkan untuk menurunkan suhu sekurang-kurangnya sebanyak 1.5 darjah celsius… kita boleh lihat hari ini, apabila hujan sekejap sahaja beberapa tempat boleh dinaiki air.

"Ini adalah akibat daripada perubahan cuaca yang ketara dan ketumpatan hujan tinggi pada satu-satu masa," jelasnya.

Pada penganjuran Anugerah Sekolah Hijau 2019, Kategori Menengah diungguli Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Berapit dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, plak dan sijil.

Tempat kedua dirangkul SMK Convent Butterworth dengan hadiah wang tunai bernilai RM1,600 plak berserta sijil) dan tempat ketiga disandang SMK Guar Perahu (RM1,000).

Bagi Kategori Sekolah Rendah, tempat pertama dimenangi Sekolah Kebangsaan (SK) Kebun Sireh, diikuti tempat kedua Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Mak Mandin dan SJKC Lee Chee (ketiga).

Antara anugerah lain yang dipertandingkan termasuk Program Sisa Sifar, Kebersihan dan Penghijauan, Inovasi dan Kreativiti dan Penyertaan Komuniti.




# Cungkil potensi, semua mampu dicapai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**



**WONG Hon Wai (tujuh dari kiri) sempat memberi *pose* istimewa bersama-sama murid SK Pendidikan Khas Persekutuan sejurus selesai penganjuran Hari Anugerah Kecemerlangan SK Pendidikan Khas Persekutuan di sini baru-baru ini.**

**PULAU TIKUS –** Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai percaya bahawa sekiranya potensi murid-murid berkeperluan khas dicungkil dengan sewajarnya maka ia akan menjadi kelebihan untuk mereka mencapai kejayaan.

Menurut Hon Wai, kekurangan sama ada dalam akademik mahupun fizikal bukan bererti mereka tidak boleh berjaya dan memiliki kerjaya pada masa hadapan.

"Latar belakang pendidikan saya adalah saya seorang peguam dan juga tergolong dalam keluarga kelompok B40, tetapi yang menjadi inspirasi untuk saya berjaya (menjadi seorang peguam) ialah seorang peguam buta yang saya kenali.

"Bermula saat itu, saya percaya walaupun ada kekurangan, tetapi jika kita boleh atasi kekurangan itu, maka kita juga boleh berjaya sama seperti orang lain.

"(Dan) saya juga percaya anda semua mampu mencapai kejayaan pada masa hadapan…yang penting ibu bapa dan guru-guru harus sama-sama mencungkil potensi murid-murid berkeperluan khas ini ke suatu tahap yang membanggakan," ucapnya pada Hari Anugerah Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan (SK) Pendidikan Khas Persekutuan di sini 15 November lalu.

Hadir sama, Ketua Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Huzaimi Mohd. Hashim; Guru Besar SK Pendidikan Khas Persekutuan, Siti Zaleha Ismail; Penolong Kanan Pentadbiran SK Pendidikan Khas Persekutuan, Ahmad Nerang Nordin dan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Pendidikan Khas Persekutuan, Sobri Abd. Kadir.

Mengulas lanjut, Hon Wai memberitahu bahawa dalam membangunkan sistem pendidikan negara yang komprehensif, Kementerian Pendidikan telah menerima peruntukan terbesar sebanyak RM64.1 bilion pada tahun hadapan (melalui Belanjawan 2020).

"Hal ini sekaligus menunjukkan komitmen kerajaan terhadap pembangunan pendidikan negara termasuk cadangan menambah bilangan kelas pendidikan khas di sekolah-sekolah (Program Pendidikan Khas Integrasi, PPKI).

"Bukan itu sahaja, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menyediakan peruntukan bagi membantu menyelenggara kemudahan di sekolah-sekolah di Pulau Pinang walaupun ia (pendidikan) bukan di bawah bidang kuasa negeri.

"Malah, saya juga berbesar hati memperuntukkan RM40,000 kepada SK Pendidikan Khas Persekutuan bagi tujuan pembangunan bumbung di sekolah serta pembiayaan aktiviti.

"Semua ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan kerana saya percaya ia (pendidikan) memberi lonjakan untuk mengubah keadaan sosioekonomi sesebuah kekeluarga dan semua (peruntukan) adalah untuk pelaburan masa hadapan," jelasnya.

Terdahulu, ketibaan Hon Wai disambut meriah dengan persembahan murid Tahap 1 SK Pendidikan Khas Persekutuan dan disusuli dengan tarian zapin tradisional.

Hari Anugerah yang diadakan saban tahun itu merupakan wadah terpenting dalam memberi galakan kepada murid-murid untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik.

Dalam majlis sama, Siti Qhadeeja Khairul Jafri dan Nurthafiqah Husna Shaiful Mahathir masing-masing dinobatkan sebagai tokoh melalui Anugerah Murid Aktif (Kokurikulum) dan Anugerah Adiwira (Tokoh Murid).

## Lawatan demi pupuk minat pelajar terhadap STEM

**GEORGE TOWN –** Seramai 35 pelajar dari Sekolah Menengah Agama Faiqiah Daimiah menyertai lawatan ke Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dan Pusat Kecemerlangan Sains Pulau Pinang (PSC) anjuran Penggerak Komuniti Muda (PEKA) Pulau Pinang.

Pengurus PEKA Pulau Pinang, Mohammad Hazizi Padzil berkata, lawatan sambil belajar yang dianjurkan pada 19 November lalu adalah bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai bidang sains.

"PEKA menyedari bahawa berlaku penurunan terhadap pengambilan bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) dalam kalangan pelajar pada masa ini.

"Walau bagaimanapun, kita menyedari hakikat bahawa empat daripada lima peluang pekerjaan baharu adalah datangnya daripada bidang-bidang tersebut.

"Justeru, PEKA mengambil inisiatif menganjurkan lawatan ini bagi memastikan para pelajar dapat merasai sendiri pengalaman berada berkaitan STEM di agensi-agensi terlibat," ujarnya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Salah seorang pelajar, Mohammad Zaini Sulaiman menyatakan bahawa lawatan tersebut memberi peluang untuk beliau melihat dengan lebih dekat teknologi-teknologi yang ada di PSDC dan PSC.

"Kami amat tertarik dengan lawatan ini kerana dapat melihat secara dekat teknologi-teknologi yang ada di agensi-agensi ini," katanya.

Bagi Noraini Othman pula, beliau inginkan lawatan tersebut diadakan dalam tempoh lebih lama.

"Kami mahukan lebih banyak masa untuk jalankan lawatan sebegini," kongsi beliau.



**BEBERAPA pelajar cuba menggunakan salah satu teknologi yang tersedia di PSDC semasa menyertai lawatan sambil belajar ke agensi berkenaan di sini baru-baru ini.**






# Komitmen bersama banteras jenayah, dadah dalam kalangan remaja dan pelajar

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**SERI DELIMA** – Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima bersama-sama agensi berkaitan bakal melaksanakan langkah-langkah pendidikan dan intervensi yang lebih berkesan dalam membendung penyalahgunaan dadah melibatkan remaja serta pelajar sekolah khususnya.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Syerleena Abd. Rashid berkata, pendekatan tersebut merupakan komitmen dan usaha bersama untuk meningkatkan kesedaran golongan berkaitan terhadap penyalahgunaan dadah, masalah jenayah serta yang berkaitan dengannya.

"Ia adalah satu usaha untuk memberikan kefahaman serta pendedahan kepada para pelajar bagaimana untuk mengelakkan dan melindungi diri daripada menjadi mangsa jenayah sekaligus membantu membanteras masalah jenayah serta penyalahgunaan dadah," ucapnya pada penganjuran Program Pendidikan dan Kerjaya Murid 2019 di sini 22 Oktober lalu.

Hadir sama, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hamid Khan, Shabru Mohamad Idris.

Program Pendidikan dan Kerjaya Murid 2019 anjuran *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) yang berlangsung dekat SMK Datuk Haji Mohamed Nor Ahmad tersebut turut mendapat kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Pulau Pinang, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Penjara Pulau Pinang.

Selain sesi penerangan terperinci berhubung kesalahan jenayah, turut diadakan pameran daripada agensi-agensi berkaitan.



**SYERLEENA Abdul Rashid (lapan dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama para pelajar serta guru-guru yang mengambil bahagian dalam Program Pendidikan dan Kerjaya Murid 2019 di sini baru-baru ini.**

# Taman Jepun Island Park berwajah baharu, selamat dan selesa

**SERI DELIMA** – Taman Jepun di Island Park kini berwajah baharu serta lebih selamat selepas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melaksanakan kerja-kerja naik taraf di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid berkata, sejumlah RM45,000 dibelanjakan oleh JPS berhubung pelaksanaan kerja pengukuhan tebing taman tersebut

"Selain itu, MBPP juga membelanjakan RM17,000 bagi kerja-kerja penggantian jambatan lama jenis kayu kepada jenis konkrit yang lebih kukuh.

"Tambahan RM2,000 lagi oleh MBPP pula adalah bagi kerja-kerja mengindahkan landskap Taman Jepun bagi menjadikan pemandangan di sini lebih menarik," ujarnya sejurus meninjau ke kawasan tersebut pada 5 Oktober lalu.



**SYERLEENA Abdul Rashid (dua dari kanan) mencuba jambatan sambil meninjau tebing sungai yang siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Syerleena memaklumkan bahawa keadaan tebing sungai di taman tersebut adalah amat merbahaya akibat hakisan.

"Demi menjaga keselamatan komuniti di sini yang selalu beriadah, kerja-kerja melibatkan pengukuhan tebing telah disempurnakan pada 17 September lepas manakala jambatan konkrit siap pada bulan Julai 2019.

"Kita dapati tebing sebelum ini adalah amat teruk, bahaya dan boleh mengakibatkan hakisan, jadi naik taraf tebing tersebut merupakan satu projek utama dalam menjaga keselamatan penduduk.

"Saya mahu komuniti di sini dapat beriadah dengan lebih selamat dan selesa serta dalam suasana yang hijau serta harmoni," katanya yang turut merancang untuk menaik taraf satu lagi taman yang terdapat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkaitan.

# ADUN papar keunikan Seri Delima dan Pulau Mutiara melalui video pengacaraan

**SERI DELIMA** - BERBEZA dengan tugasan hariannya selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abd. Rashid tampil menonjolkan kelainan dan 'mencuba' bakat dalam pengacaraan.

Sesuai dengan karektornya yang petah berbicara, bakat mengacara beliau amat terserlah mengacara video 'khas' yang memaparkan tempat-tempat menarik di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima dan seluruh Pulau Pinang amnya.

Syerleena yang ditemui ketika majlis perasmian video 'Mutiara Dari Pulau' baru-baru ini berkata, video berkenaan akan memaparkan keunikan dan keistimewaan Seri Delima serta negeri Pulau Pinang secara menyeluruh.

"Video bersiri sebanyak 15 episod ini bakal meneroka budaya penduduk tempatan, muzik, budaya seni, sukan dan yang pasti makanan-makanan lazat yang mana ia akan dihoskan oleh saya sendiri.

"Untuk melihat keunikan dan keistimewaan yang bakal ditonjolkan, video ini boleh diakses melalui FB Mutiara Dari Penang," ujarnya.

# Taman Arkeologi Sia Boey nilai tambah kepada Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town



RAKAMAN suasana persekitaran Taman Arkeologi Sia Boey.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**TAMAN** Arkeologi pertama, Sia Boey dibuka secara rasmi kepada umum pada 9 November lalu.

Majlis pembukaannya disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Kon Yeow dalam ucapannya berkata bahawa projek peremajaan semula Sia Boey seluas 5.73 ekar itu merupakan sebahagian daripada projek pembangunan Komtar Fasa 5 telah dirancang, yang mana ia memainkan peranan penting dalam sejarah bandar George Town.

"Sia Boey adalah hab perdagangan yang kegiatannya berpusat di terusan Prangin, iaitu turut merangkumi pasar serta rumah kedai pada abad ke-19.

"Namun, berdasarkan nilai sejarahnya, kita telah meremajakan projek ini pada 25 Mac 2018 dan telah mengubah Sia Boey menjadi sebuah kawasan hijau yang memfasilititasikan pembangunan, pemuliharaan warisan dan mampan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada upacara perasmian berkenaan.

Projek peremajaan Sia Boey dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan kerjasama *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) dan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia (USM).

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa projek tersebut merupakan nilai tambah kepada Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang mana Sia Boey terletak di antara Jalan Dr. Lim Chwee Leong serta Jalan Magazines dan dianggap sebagai sempadan tapak warisan (UNESCO).

"Laman (Sia Boey) ini dianggap sebagai zon penampan bagi tapak warisan UNESCO, oleh itu adalah amat penting untuk mengekalkan nilai sejarahnya.

"Diharap pasar yang telah diubahsuai dan akan dibuka untuk penggunaan awam akan dimanfaatkan sepenuhnya… mereka yang berminat boleh menyewa melalui PDC Setia Urus.

"Manakala, sebahagian daripada tapak ini akan menjadi kawasan bagi pembinaan stesen transit aliran ringan (LRT) yang dicadangkan di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP)," jelasnya.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri memerhatikan gelagat sebahagian kanak-kanak yang sedang bermain di Taman Arkeologi Sia Boey.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Pengurus Besar PDC, Dato' Mohd. Bazid Abdul Kahar dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Nama 'Sia Boey' bermaksud penempatan hujung dalam bahasa Hokkien, dan orang Melayu merujuknya sebagai 'Ujong Pasir', sedangkan masyarakat Tamil pula menyebutnya sebagai 'Kaalai Kadai' pada abad ke-19.



TERUSAN Prangin yang telah dibaik pulih dan dibersihkan bagi mewujudkan suasana lebih hijau dan mampan.





PELAN rejuvenasi Sia Boey.